



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

SABAH

SIRI 1



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA

2018

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

SABAH

SIRI 1



• KANDUNGAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENDAHULUAN	vii
INTI SARI LAPORAN	xi
<u>BAHAGIAN I</u> AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN PERIKANAN NEGERI SABAH	3
Projek Kluster Rumpai Laut	
PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SABAH	39
PBNS Holdings Sdn. Bhd.	
<u>BAHAGIAN II</u> PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI	
PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)	71
PENGAUDITAN MENGEJUT	109
PENUTUP	119
AKRONIM	123



• PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri dan Badan Berkanun Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai kedudukan kewangan, amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti syarikat Kerajaan Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2018 Siri 1 mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap pengurusan aktiviti di satu (1) Jabatan dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 29 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 22 Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan. Pihak pengurusan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *exit conference* diadakan di samping surat pengesahan diterima daripada mereka sebelum Laporan dimuktamadkan. Dalam Laporan ini hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan 20 syor untuk diambil tindakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan semasa pengurusan, pemantauan atau pelaksanaan program, projek dan aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri. Di samping meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam/pegawai/kakitangan/Syarikat Kerajaan Negeri, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Jun 2019



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PERIKANAN NEGERI SABAH

1. Projek Kluster Rumpai Laut

- a. Setakat tahun 2018, negeri Sabah merupakan negeri yang menjalankan aktiviti penanaman rumpai laut terbesar di Malaysia dengan keluasan kawasan penanaman sekitar 9,836 hektar. Bahagian pantai timur Sabah (Semporna, Lahad Datu, Kunak dan Tawau) mewakili 99.9% kawasan penanaman dan selebihnya (0.1%) di bahagian pantai barat (Tuaran). Kerajaan Persekutuan telah menjadikan industri rumpai laut Sabah sebagai salah satu *Entry Point Project* (EPP3) di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (*National Key Economic Area* [NKEA]) - Sektor Pertanian bagi memacu pembangunan rumpai laut. Projek Kluster Rumpai merupakan antara pelaksanaan projek EPP3 bertujuan untuk menambah baik industri rumpai laut di negeri Sabah dengan menjadikan entiti perniagaan seperti syarikat atau koperasi sebagai syarikat peneraju yang mana ahli dan pemegang syer adalah dari kalangan pengusaha yang terlibat. Sasaran Kerajaan adalah mewujudkan sebanyak 10 kluster yang melibatkan seramai 600 orang peserta menjelang tahun 2020. Projek ini juga dijangka akan dapat menjana pendapatan pengusaha rumpai laut dengan lebih baik melalui inovasi yang lebih mesra alam dalam teknik pengkulturan.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai 2018 mendapati Projek Kluster Rumpai Laut belum mencapai objektif yang ditetapkan memandangkan hanya empat (4) daripada 10 kluster yang dirancang telah ditubuhkan dan beroperasi. Dianggarkan seramai 360 orang peserta belum mendapat manfaat daripada projek memandangkan enam (6) kluster yang disasarkan masih belum bermula. Produktiviti pengeluaran rumpai laut pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing 2.09 tan, 2.46 tan dan 3.24 tan sehektar setahun bagi setiap peserta adalah lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta. Sasaran projek untuk meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,000 sebulan juga masih belum tercapai memandangkan purata pendapatan bulanan setiap peserta pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing berjumlah RM436.03, RM511.81 dan RM675.78.
- c. Pengurusan Projek Kluster Rumpai Laut juga perlu dipertingkatkan kerana memberi kesan terhadap kecekapan dan keberkesanan projek seperti berikut:

- i. prestasi perbelanjaan projek kluster rumpai laut bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah rendah. Peratus perbelanjaan bagi tempoh tersebut hanya 25.1% iaitu RM4.20 juta berbanding peruntukan yang diterima sebanyak RM16.70 juta;
 - ii. kelemahan pentadbiran kontrak seperti dokumen perjanjian tidak disediakan, projek kluster yang ditubuhkan di bawah kaedah *reimbursement* belum bermula dan pertukaran syarikat peneraju tanpa melalui prosedur yang sepatutnya;
 - iii. pelaksanaan projek terjejas disebabkan perkara seperti kebenaran masuk ke tapak Projek Kluster Rumpai Laut tidak diperolehi daripada Jabatan Tanah dan Ukur Sabah bagi tiga (3) daripada enam (6) tapak serta terdapat komponen projek tidak dilaksanakan/rosak dan tidak diserahkan; dan
 - iv. Jabatan Perikanan Sabah tidak mengambil kira aspek pemasaran rumpai laut.
- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan Projek Kluster Rumpai Laut dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya pihak Jabatan Perikanan Sabah mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:
- i. perancangan rapi dibuat termasuk isu tanah, melantik peneraju yang berwibawa dan mempercepatkan penubuhan baki kluster yang disasarkan bagi memastikan projek boleh beroperasi dan memberi manfaat kepada peserta;
 - ii. menjalankan usaha penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan benih rumpai laut yang boleh mengeluarkan produktiviti yang tinggi agar objektif produktiviti lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta dapat dicapai;
 - iii. mewujudkan mekanisme pemasaran dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan bagi membantu peserta menjual rumpai laut untuk mendapatkan harga yang lebih kompetitif dan tidak terhad kepada monopoli orang tengah atau syarikat tertentu. Kerajaan juga wajar menetapkan harga lantai dengan memberikan subsidi bagi menstabilkan harga rumpai laut; dan
 - iv. mendidik dan memberi panduan kepada peserta untuk mengamalkan kaedah ladang separa komersil untuk pengiktirafan agar produk boleh dipasarkan secara global.

PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SABAH

2. PBNS Holdings Sdn. Bhd.

- a. PBNS Holdings Sdn. Bhd. (PBNSH) diperbadankan pada 12 September 2006 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar berjumlah RM1 juta. PBNSH merupakan Syarikat Berhad Menurut Syer milik penuh Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS) yang merupakan Badan Berkanun Negeri di bawah kuasa Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Objektif utama penubuhan syarikat adalah menjalankan perniagaan pengedaran makanan halal, pembinaan, import minyak serta gas dan semua jenis aktiviti perniagaan yang sah. Pindaan jenis perniagaan kepada perkhidmatan pajak gadai telah dilakukan pada bulan September 2018.
- b. Aktiviti utama PBNSH pada tahun 2007 adalah perniagaan runcit dan sejuk/beku dengan dana permulaan berjumlah RM500,000. Setelah tiga (3) tahun beroperasi dan mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM400,846 maka PBNSH beralih ke perniagaan pajak gadai Ar-Rahnu pada bulan Julai 2010 setelah mendapat kelulusan dan pinjaman daripada Kementerian Kewangan melalui PBNS berjumlah RM4 juta. Selain itu, PBNSH juga menjadi ejen Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) bagi perkhidmatan insurans am dan ejen Bank Simpanan Nasional (PTC-BSN) yang menyediakan perkhidmatan *one stop centre* untuk pembayaran bil serta lain-lain utiliti bagi pihak BSN.
- c. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Oktober 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Tadbir Urus Korporat

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus PBNSH adalah kurang memuaskan. Penambahbaikan perlu dilaksanakan dalam aspek keperluan membangunkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur pencapaian dan prestasi syarikat. Selain itu, *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu yang disediakan pada 2 Januari 2018 belum dibincang dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk pengesahan dan kelulusan manakala SOP bagi prosedur kewangan dan pengurusan aset tidak disediakan.

ii. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PBNSH adalah stabil kerana syarikat menjana pendapatan daripada aktiviti Pajak Gadai Ar-Rahnu dengan mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM59,819 pada tahun 2017 berbanding trend kerugian selepas cukai bagi dua (2) tahun berturut-turut (tahun 2015 dan 2016) berjumlah RM110,152 dan RM6,091 masing-masing. Tahap kecairan aset semasa adalah

pada kadar 1.04:1 menunjukkan syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Selain itu, PBNSH juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM1.28 juta pada akhir tahun 2017.

iii. Pengurusan Aktiviti

- **Prestasi Aktiviti/Program**

Prestasi pendapatan PBNSH adalah memuaskan kerana menjana keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2017 setelah mengalami kerugian berturut-turut pada tahun 2015 dan 2016. Bagaimanapun, PBNSH menetapkan sasaran yang tinggi pada tahun 2015 dan tidak menetapkan sasaran bagi tahun 2016 dan 2017.

- **Pelaksanaan Aktiviti/Program**

- Perbelanjaan operasi pajak gadai Ar-Rahnu mencatatkan perbelanjaan tertinggi bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM1.59 juta atau 84% daripada perbelanjaan keseluruhan.
- Jumlah transaksi dan nilai gadaian marhun meningkat pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 menunjukkan aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu telah mendapat sambutan orang awam dan boleh mencapai objektif penubuhan/aktiviti syarikat dalam menyediakan kemudahan pinjaman mikro kredit kepada orang ramai khususnya kepada usahawan Islam yang memerlukan wang segera untuk pelbagai tujuan.
- Jumlah transaksi gadaian marhun bagi aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu telah menurun pada tahun 2017 disebabkan kelewatan PBNSH memperbaharui lesen pajak gadai daripada KPKT yang mengakibatkan aktiviti gadaian marhun baharu hanya dijalankan setelah lesen diterima pada bulan Julai 2018.

d. Bagi memastikan objektif penubuhan PBNSH dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan PBNSH mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:

- i. menetapkan hala tuju yang jelas bagi aktiviti syarikat dan memperkasakan organisasi bagi memulihkan kedudukan kewangan syarikat atau syarikat dicadangkan untuk ditutup bagi mengelakkan kerugian terkumpul yang berterusan;

- ii. memastikan penggadai membayar upah simpan dan menebus marhun pada masa yang ditetapkan dan marhun yang tidak ditebus setelah tamat tempoh dibuat pelelongan segera untuk mengelak aliran tunai yang terhad; dan
- iii. melaksanakan amalan tadbir urus yang baik dan pengurusan kewangan yang cekap serta menetapkan KPI dan melaksanakan pengukuran *outcome* secara tahunan yang jelas supaya objektif untuk menjadikan Pajak Gadai Ar-Rahnu sebagai pusat perkhidmatan gadaian Islam yang adil, telus, mudah dan cepat dapat dicapai.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)


- a. Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) berasaskan risiko di 29 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri terhadap lapan (8)/sembilan (9) kawalan utama pengurusan kewangan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2018 menunjukkan tiga belas Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap Baik, 10 Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap Memuaskan, dua (2) Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap Tidak Memuaskan. Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:
 - i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
 - ii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;

- iii. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
- iv. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;
- v. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- vi. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya dalam pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

2. Pengauditan Mengejut

- a. Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di 22 Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua Jabatan/Pejabat hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
 - i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
 - ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
 - iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;

- iv. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- v. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- vi. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- vii. Pemeriksaan Mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PERIKANAN NEGERI SABAH

1 PROJEK KLUSTER RUMPAI LAUT

1. LATAR BELAKANG

1.1. Rumpai laut ialah tumbuhan akuatik liar yang banyak terdapat di pesisir pantai terutamanya di kawasan terumbu karang dan pantai yang terlindung. Rumpai laut juga dikenali sebagai alga yang dapat dibezakan berasaskan kepada pigmen warna asli yang terdapat padanya. Industri rumpai laut di negeri Sabah telah dimulakan seawal era 70-an oleh penanaman kecil-kecilan pada tahap sara diri sama ada sebagai aktiviti utama atau pun sampingan. Manakala pengkulturan rumpai laut secara komersial di negeri Sabah telah pun bermula pada tahun 1978 yang dipelopori oleh syarikat dari Amerika iaitu Aquatic Resource Limited. Terdapat pelbagai spesies rumpai laut yang ada di negeri Sabah, namun hanya spesies *Euchemum* dan *Kappaphycus* sahaja yang ditanam seperti **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



Kampung Look Butun
- Rumpai Laut Dari Spesies *Euchemum*
(17.07.2018)

GAMBAR 2



Kampung Look Butun
- Rumpai Laut Dari Spesies *Kappaphycus*
(17.07.2018)

1.2. Setakat tahun 2018, negeri Sabah merupakan negeri yang menjalankan aktiviti penanaman rumpai laut terbesar di Malaysia dengan keluasan kawasan penanaman sekitar 9,836 hektar. Bahagian pantai timur Sabah (Semporna, Lahad Datu, Kunak dan Tawau) mewakili 99.9% kawasan penanaman dan selebihnya (0.1%) di bahagian pantai barat (Tuaran). Butiran terperinci keluasan kawasan penanaman rumpai laut di negeri Sabah adalah seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
KELUASAN KAWASAN PENANAMAN RUMPAI LAUT DI NEGERI SABAH

BAHAGIAN	DAERAH	KELUASAN (Hektar)	PERATUS KELUASAN (%)
Pantai Timur	Semporna	9,104	92.6
	Lahad Datu	68	0.7
	Kunak	156	1.6
	Tawau	500	5.1
Pantai Barat	Tuaran	8	0.1
KELUASAN KESELURUHAN		9,836	100

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

1.3. Kerajaan Persekutuan telah menjadikan industri rumpai laut Sabah sebagai salah satu *Entry Point Project* (EPP3) di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (*National Key Economic Area* [NKEA]) - Sektor Pertanian bagi memacu pembangunan rumpai laut. Objektif pelaksanaan EPP3 adalah seperti berikut:

- i. mengangkat rumpai laut sebagai komoditi pertanian yang bernilai tinggi;
- ii. mentransformasikan penanaman rumpai laut secara komersial;
- iii. penglibatan pembangunan syarikat swasta; dan
- iv. menyediakan peluang pekerjaan.

1.4. Bagi memastikan EPP3 dilaksanakan dengan jayanya, Kerajaan Persekutuan telah membahagikan pelaksanaan projek pembangunan rumpai laut kepada tiga (3) kaedah seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK RUMPAI LAUT DI BAWAH EPP3

BIL.	KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK	PERIHAL
1.	Kluster	<ul style="list-style-type: none"> • Pendekatan projek adalah dengan menggabungkan pengusaha kecil sedia ada menjadi pengusaha berkelompok (kluster) dengan jumlah minima seramai 30 orang. • Setiap peserta diperuntukkan kawasan penanaman seluas satu (1) hektar. • Kluster perlu menubuhkan entiti perniagaan seperti syarikat atau koperasi sebagai syarikat peneraju bagi menguruskan projek. • Kemudahan dan infrastruktur projek disediakan oleh Kerajaan.
2.	Mini Estet	<ul style="list-style-type: none"> • Berkonsepkan syarikat peneraju dan penyediaan kemudahan infrastruktur oleh Kerajaan. • Keluasan ladang yang perlu dibangunkan adalah minima 30 hektar.
3.	Komersial	<ul style="list-style-type: none"> • Projek diterajui oleh sektor swasta yang berkeupayaan mengeluarkan dana pelaburan sendiri. • Kerajaan menyediakan imbuhan bayaran balik sehingga 30 peratus dari jumlah pelaburan.

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

1.5. Projek Rumpai Laut melalui kaedah Mini Estet telah dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2014 di bawah kelolaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menggunakan

dana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) yang disalurkan kepada UMS. Secara keseluruhannya, UMS telah menerima sejumlah RM47.44 juta dari MOA untuk melaksanakan projek Mini Estet ini. Bagaimanapun, projek ini dihentikan dan baki dana sejumlah RM27.59 juta telah diserahkan ke Jabatan Perikanan Sabah pada bulan September 2015 dan Mac 2016. Berdasarkan Minit Mesyuarat Pemindahan Komponen Projek Pengkulturan Rumpai Laut Secara Mini Estet bertarikh 9 Julai 2015, aset dan komponen projek yang terdiri dari bangunan, mesin dan peralatan juga perlu diserahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) dan Jabatan Perikanan Sabah. Bagaimanapun, proses pemindahan hak milik aset dan komponen projek ini masih belum selesai hingga kini. Bagi projek rumpai laut melalui kaedah Komersial pula, setakat tahun 2018 ia belum dilaksanakan.

1.6. Projek Kluster Rumpai Laut bertujuan untuk menambah baik industri rumpai laut di negeri Sabah dengan menjadikan entiti perniagaan seperti syarikat atau koperasi sebagai syarikat peneraju yang mana ahli dan pemegang syer adalah dari kalangan pengusaha yang terlibat. Sasaran Kerajaan adalah mewujudkan sebanyak 10 kluster yang melibatkan seramai 600 orang peserta menjelang tahun 2020. Projek ini juga dijangka akan dapat menjana pendapatan pengusaha rumpai laut dengan lebih baik melalui inovasi yang lebih mesra alam dalam teknik pengkulturan. Berdasarkan Garis Panduan Projek Kluster Rumpai Laut Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Sabah, objektif utama pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut adalah:

- i. menyusun atur para penanam kecil kepada ladang separa komersial atau komersial;
- ii. produktiviti kepada lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta; dan
- iii. meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,000 sebulan.

1.7. Projek Kluster Rumpai Laut adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Akuakultur, Jabatan Perikanan Sabah. Bahagian ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Perikanan II dan dianggotai oleh empat (4) orang kakitangan di Ibu Pejabat serta lima (5) orang ditempatkan di daerah Semporna dan Tawau. Kesemua anggota ini adalah Lantikan Sementara/Gaji hari.

1.8. Pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut telah dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu kaedah perolehan Kerajaan dan kaedah *reimbursement* kepada syarikat peneraju. Kaedah perolehan Kerajaan adalah kaedah yang digunakan pada tahun 2012 di mana perolehan komponen bantuan dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Sabah. Manakala pada tahun 2015, kaedah *reimbursement* telah digunakan iaitu

syarikat peneraju perlu mengeluarkan modal terlebih dahulu bagi perolehan komponen projek kluster dan kemudian membuat tuntutan kepada Jabatan Perikanan Sabah.

1.9. Pada tahun 2012, Jabatan Perikanan Sabah telah menerima peruntukan berjumlah RM8.31 juta bagi tujuan penubuhan empat (4) Projek Kluster Rumpai Laut iaitu tiga (3) di daerah Semporna (Kg. Look Butun, Kg. Gelam-Gelam dan Pulau Silungun) dan satu (1) di daerah Tawau (Kg. Merotai). Seterusnya, sejumlah RM12 juta lagi telah diterima oleh Jabatan Perikanan Sabah sepanjang tempoh tahun 2015 hingga 2018 bagi tujuan penubuhan enam (6) kluster baharu sebagai langkah untuk memenuhi sasaran menubuhkan 10 kluster menjelang tahun 2020. Sehingga bulan Disember 2018, enam (6) kluster telah ditubuhkan dan syarikat peneraju bagi pengurusan kluster telah pun dilantik seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
SENARAI SYARIKAT PENERAJU PROJEK
KLUSTER RUMPAI LAUT SETAKAT BULAN DISEMBER 2018

BIL.	DAERAH	LOKASI	SYARIKAT PENERAJU	TAHUN PENUBUHAN
1.	Semporna	Look Butun	1017109-V	2012
2.	Semporna	Gelam-gelam	1019274-X	2012
3.	Semporna	Silungun	S-4-0855	2012
4.	Tawau	Merotai	S-3-1055	2012
5.	Semporna	Pulau Bum-bum	1094762-P	2015
6.	Semporna	Pulau Omodal	898683-T	2015

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada:

- i. projek Kluster Rumpai Laut (Projek) telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu menyusun atur para penanam kecil kepada ladang separa komersial atau komersial dengan menubuhkan 10 projek kluster melibatkan seramai 600 orang peserta menjelang tahun 2020, pencapaian produktiviti pengeluaran rumpai laut lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta; dan pencapaian pendapatan peserta melebihi RM1,000 sebulan; dan
- ii. pengurusan Projek Kluster Rumpai Laut telah dilaksanakan secara cekap.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi Projek Kluster Rumpai Laut dan pengurusan Projek Kluster Rumpai Laut bagi tempoh tahun

2012 hingga bulan Disember 2018. Prestasi projek dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu prestasi output dan *outcome*. Manakala aspek pengurusan projek pula meliputi lima (5) perkara iaitu prestasi kewangan; pentadbiran kontrak; pelaksanaan projek; mekanisme pemasaran dan pemantauan.

3.2. Penyemakan dokumen telah dijalankan di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI), Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Sabah, Pejabat Perikanan Daerah Semporna dan Pejabat Perikanan Daerah Tawau. Selain itu, lawatan juga dibuat di empat (4) daripada enam (6) lokasi Projek Kluster seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
SENARAI PROJEK KLUSTER RUMPAI LAUT YANG DIPILIH

BIL.	DAERAH	LOKASI	SYARIKAT PENERAJU	KELUASAN (Hektar)	KELUASAN PENANAMAN (Hektar)	BILANGAN PESERTA (Orang)
1.	Semporna	Look Butun	1017109-V	150	70	70
2.	Semporna	Gelam-Gelam	1019274-X	100	50	50
3.	Semporna	Silungun	S-4-0855	200	70	70
4.	Tawau	Merotai	S-3-1055	100	50	50

Sumber :Jabatan Perikanan Sabah

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen berkaitan Projek Kluster Rumpai Laut. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai Jabatan Perikanan Sabah yang terlibat dan soal selidik terhadap 56 daripada 240 orang peserta telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan projek dari segi keluasan menanam, peningkatan pendapatan dan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh peserta. Selain itu, lawatan fizikal di empat (4) lokasi Projek Kluster turut diadakan bersama wakil Jabatan Perikanan Sabah dan wakil syarikat peneraju bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut perancangan dan memastikan kewujudan kemudahan dan infrastruktur projek yang telah dibekalkan.

5. RUMUSAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai 2018 merumuskan perkara berikut:

5.1. Prestasi Projek Kluster Rumpai Laut

- a. Secara keseluruhannya, Projek Kluster Rumpai Laut belum mencapai sasaran yang ditetapkan untuk menyusun atur para penanam kecil kepada ladang separa komersial atau komersial memandangkan sehingga tarikh pengauditan hanya empat (4) daripada 10 kluster yang dirancang telah ditubuhkan dan beroperasi.

Dianggarkan seramai 360 orang peserta belum mendapat manfaat daripada projek memandangkan enam (6) kluster yang disasarkan masih belum bermula.

- b. Produktiviti pengeluaran rumpai laut pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing 2.09 tan, 2.46 tan dan 3.24 tan sehektar setahun bagi setiap peserta adalah lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta. Terdapat peningkatan produktiviti pada tahun 2016 kepada 6.38 tan tetapi prestasi tersebut menurun pada tahun 2017 dan 2018 dengan pencapaian produktiviti masing-masing 3.98 tan dan 1.72 tan berbanding sasaran.
- c. Sasaran projek untuk meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,000 sebulan juga masih belum tercapai bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 serta tahun 2017. Purata pendapatan bulanan setiap peserta pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing berjumlah RM436.03, RM511.81 dan RM675.78. Terdapat peningkatan purata pendapatan bulanan setiap peserta pada tahun 2016 kepada RM1,328.47 tetapi purata pendapatan tersebut menurun pada tahun 2017 dan 2018 dengan pencapaian purata pendapatan masing-masing berjumlah RM829.51 dan RM357.47.

5.2. Pengurusan Projek Kluster Rumpai Laut

Bagi aspek pengurusan Projek Kluster Rumpai Laut, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan kerana memberi kesan terhadap kecekapan dan keberkesanan pengurusan projek seperti berikut:

- a. prestasi perbelanjaan projek kluster rumpai laut bagi tempoh 2013 hingga 2017 adalah rendah. Peratus perbelanjaan bagi tempoh tersebut hanya 25.1% iaitu RM4.20 juta berbanding peruntukan yang diterima sebanyak RM16.70 juta;
- b. kelemahan pentadbiran kontrak seperti dokumen perjanjian tidak disediakan, projek kluster yang ditubuhkan di bawah kaedah *reimbursement* belum bermula dan pertukaran syarikat peneraju tanpa melalui prosedur yang sepatutnya;
- c. pelaksanaan projek terjejas disebabkan perkara seperti kebenaran masuk ke tapak Projek Kluster Rumpai Laut tidak diperolehi daripada Jabatan Tanah dan Ukur Sabah bagi tiga (3) daripada enam (6) tapak serta terdapat komponen projek tidak dilaksanakan/rosak dan tidak diserahkan; dan
- d. Jabatan Perikanan Sabah tidak mengambil kira aspek pemasaran rumpai laut.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas Jabatan Perikanan Sabah telah dibincangkan dalam *Exit Conference* yang telah dijalankan pada 8 Februari 2019. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

6.1. Prestasi Projek Kluster Rumpai Laut

Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012, Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* mentakrifkan output ialah produk atau keluaran yang dihasilkan daripada input sesuatu program/projek pembangunan untuk mencapai matlamat pembangunan.

6.1.1. Prestasi Output

a. Penubuhan Projek Kluster Rumpai Laut

- i. Berdasarkan Garis Panduan Projek Kluster Rumpai Laut Tahun 2013, Jabatan Perikanan Sabah menyasarkan sebanyak 10 Projek Kluster Rumpai Laut di Sabah melibatkan seramai 600 orang peserta menjelang tahun 2020. Garis panduan tersebut turut menyatakan berkenaan objektif pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut yang antaranya adalah untuk menyusun atur para penanam kecil kepada ladang separa komersial atau komersial.
- ii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2018, sebanyak empat (4) Projek Kluster Rumpai Laut (40%) telah ditubuhkan berbanding sasaran 10 kluster yang dirancang menjelang tahun 2020. Sasaran dan pencapaian penubuhan kluster bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENUBUHAN KLUSTER BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	SASARAN (Bilangan)	PENCAPAIAN (Bilangan)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2012	4	4	100
2015	2	0	0
2016	2	0	0
2017	2	0	0
JUMLAH	10	4	40

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

- iii. Setakat tahun 2018, semakan Audit terhadap baki enam (6) daripada 10 projek kluster rumpai laut yang belum bermula mendapati syarikat peneraju bagi dua (2) projek telahpun dilantik pada tahun 2015.

Bagaimanapun, Projek Kluster Rumpai Laut bagi syarikat peneraju tersebut masih belum beroperasi. Sementara itu, proses bagi menubuhkan empat (4) projek yang lain belum dimulakan memandangkan terdapat kekangan bagi mendapatkan syarikat peneraju yang berdaya saing selain isu kelulusan tapak penanaman rumpai yang belum diperolehi.

- iv. Secara keseluruhannya dengan mengambil kira enam (6) kluster yang belum ditubuhkan dengan jumlah purata 60 peserta bagi setiap projek kluster, pada perkiraan Audit, dianggarkan seramai 360 orang peserta belum mendapat manfaat daripada projek ini. Seterusnya, objektif projek untuk menyusun atur para penanam kecil kepada ladang separa komersial atau komersial juga tidak tercapai sepenuhnya.

b. Produktiviti Pengeluaran Rumpai Laut

- i. Garis Panduan Projek Kluster Rumpai Laut Tahun 2013, antaranya menetapkan objektif Projek Kluster Rumpai Laut ialah menasaskan produktiviti pengeluaran rumpai laut kepada lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta. Penetapan sasaran produktiviti adalah berasaskan jumlah sasaran pengeluaran rumpai laut setahun dengan setiap peserta diperuntukkan seluas sehektar kawasan penanaman. Walau bagaimanapun, sebanyak 30 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran tersebut akan digunakan untuk tujuan pembenihan.
- ii. Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Sabah, seramai 170 orang peserta terlibat pada tahun 2013 dalam empat (4) kluster yang telah beroperasi yang diterajui oleh 1017109-V, 1019274-X, S-4-0855, dan S-3-1055. Sasaran pengeluaran keseluruhan bagi empat (4) kluster berkenaan bagi tahun 2013 adalah 850 tan (170 orang peserta dengan sasaran produktiviti lima (5) tan sehektar bagi setiap peserta). Sasaran pengeluaran keseluruhan bagi tahun 2014 hingga tahun 2018 pula berjumlah 1,200 tan (240 orang dengan sasaran produktiviti lima (5) tan sehektar bagi setiap peserta).
- iii. Semakan Audit terhadap rekod pengeluaran rumpai laut mendapati jumlah pengeluaran keseluruhan pada tahun 2013 sebanyak 355.80 tan (41.9%) berbanding sasaran 850 tan dan jumlah pengeluaran keseluruhan bagi tahun 2014 dan 2015 masing-masing sebanyak 589.60 tan (49.1%) dan 778.50 tan (64.9%) berbanding sasaran 1,200 tan. Meskipun jumlah keseluruhan pengeluaran rumpai laut melebihi sasaran pada tahun 2016 dengan jumlah pengeluaran 1,530.40 tan (127.5%)

berbanding sasaran 1,200 tan tetapi pencapaian tersebut menurun pada tahun 2017 dan 2018 dengan jumlah pengeluaran keseluruhan 955.60 tan (79.6%) dan 411.80 tan (34.3%) berbanding sasaran 1,200 tan. Jumlah pengeluaran sebenar berbanding sasaran pengeluaran adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
PERBANDINGAN JUMLAH PENGELUARAN SEBENAR DAN
SASARAN PENGELUARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2018

SYARIKAT PENERAJU	PERKARA	TAHUN					
		2013	2014	2015	2016	2017	2018
1017109-V	Bilangan Peserta (orang)/ Keluasan bertanam (hektar)	50	70	70	70	70	70
	Sasaran (tan)	250.00	350.00	350.00	350.00	350.00	350.00
	Sebenar (tan)	131.77	181.80	185.40	437.30	354.90	97.50
	Peratus (%)	52.7	51.9	53.0	124.9	101.4	27.9
	Produktiviti (tan/hektar)	2.64	2.60	2.65	6.25	5.07	1.39
1019274-X	Bilangan Peserta (orang)/ Keluasan bertanam (hektar)	30	50	50	50	50	50
	Sasaran (tan)	150.00	250.00	250.00	250.00	250.00	250.00
	Sebenar (tan)	42.52	91.00	201.40	410.30	338.50	98.60
	Peratus (%)	28.4	36.4	80.6	164.1	135.4	39.4
	Produktiviti (tan/hektar)	1.42	1.82	4.03	8.21	6.77	1.97
S-4-0855	Bilangan Peserta (orang)/ Keluasan bertanam (hektar)	60	70	70	70	70	70
	Sasaran (tan)	300.00	350.00	350.00	350.00	350.00	350.00
	Sebenar (tan)	106.33	191.70	248.70	410.10	40.30	60.20
	Peratus (%)	35.4	54.8	71.1	117.2	11.5	17.2
	Produktiviti (tan/hektar)	1.77	2.74	3.55	5.86	0.58	0.86
S-3-1055	Bilangan Peserta (orang)/ Keluasan bertanam (hektar)	30	50	50	50	50	50
	Sasaran (tan)	150.00	250.00	250.00	250.00	250.00	250.00
	Sebenar (tan)	75.18	125.10	143.00	272.70	221.90	155.50
	Peratus (%)	50.1	50.0	57.2	109.1	88.8	62.2
	Produktiviti (tan/hektar)	2.51	2.50	2.86	5.45	4.44	3.11
JUMLAH	Bilangan Peserta (orang)/ Keluasan bertanam (hektar)	170	240	240	240	240	240
	Sasaran (tan)	850.00	1200.00	1200.00	1200.00	1200.00	1,200.00
	Sebenar (tan)	355.80	589.60	778.50	1530.40	955.60	411.80
	Peratus (%)	41.9	49.1	64.9	127.5	79.6	34.3
	Produktiviti (tan/hektar)	2.09	2.46	3.24	6.38	3.98	1.72

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

- iv. Pengeluaran rumpai laut yang lebih rendah berbanding sasaran secara langsung menjejaskan pencapaian produktiviti yang disasarkan lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta. Analisis Audit mendapati produktiviti pengeluaran pada tahun 2013 hingga 2015 adalah masing-masing 2.09 tan, 2.46 tan dan 3.24 tan sehektar setahun bagi setiap peserta. Terdapat peningkatan produktiviti pada tahun 2016 kepada

6.38 tan tetapi prestasi tersebut menurun pada tahun 2017 dan 2018 dengan pencapaian produktiviti 3.98 tan dan 1.72 tan berbanding sasaran.

- v. Berdasarkan temu bual dengan pihak Jabatan Perikanan Sabah serta soal selidik yang diedarkan kepada 56 peserta bagi empat (4) Projek Kluster Rumpai Laut yang beroperasi, pengeluaran yang tidak mencapai sasaran bagi tahun 2013 hingga 2015, 2017 dan 2018 adalah disebabkan oleh kes pencerobohan Tanduo yang berlaku pada tahun 2013 menyebabkan para peserta terganggu untuk mengusahakan aktiviti penanaman rumpai laut. Selain itu, kerosakan infrastruktur disebabkan oleh bencana alam yang di luar jangka sebagaimana dinyatakan di perenggan 1.6.2.3.b dan juga penggunaan bot dan pelantar secara bergilir menyebabkan ada peserta yang tidak dapat menjalankan aktiviti penanaman. Kekurangan benih rumpai laut berkualiti, masalah kecurian di ladang, pencemaran, penyakit reput batang (ais-ais), *epiphytes* (batang jadi putih) juga telah menjejaskan pengeluaran hasil ladang.
- vi. Manakala peningkatan pencapaian sasaran pengeluaran pada tahun 2016 pula disebabkan oleh faktor benih yang mencukupi serta terdapat pembeli yang menawarkan harga yang tinggi.
- vii. Selain itu, berdasarkan temu bual dengan pihak Jabatan Perikanan Sabah, pihak Audit mendapati sasaran pengeluaran tahunan sebanyak lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta adalah lebih rendah berbanding keupayaan pengeluaran rumpai laut bagi seorang peserta setahun. Pihak Jabatan Perikanan Sabah menjelaskan bahawa setiap peserta dibekalkan 50 tali yang berkeupayaan mengeluarkan 40kg per tali dengan tempoh pusingan tuaian empat (4) kali setahun bagi setiap penanaman. Berdasarkan penjelasan pihak Jabatan Perikanan Sabah, pihak Audit mendapati keupayaan produktiviti adalah sebanyak 8,000 kg atau lapan (8) tan sehektar setahun bagi setiap peserta seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
PERKIRAAN AUDIT TERHADAP
KEUPAYAAN PRODUKTIVITI PENGELUARAN SEHEKTAR
TAHUNAN SETIAP PESERTA PROJEK KLUSTER RUMPAI LAUT

BILANGAN TALI PER PESERTA (a)	HASIL PER TALI (KG) (b)	PUSINGAN TUAIAN SETAHUN (c)	KEUPAYAAN PENGELUARAN SETAHUN (KG/TAN) (d) = (a) x (b) x (c)
50	40	4	8,000 kg/ 8 tan

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Sabah

viii. Pengeluaran rumpai laut oleh setiap peserta yang secara puratanya tidak mencapai sasaran lima (5) tan setahun secara langsung menyebabkan output projek tidak tercapai.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 8 Februari 2019

- i. Jabatan Perikanan Sabah akan memastikan operasi bagi dua (2) kluster iaitu kluster di Pulau Bum-bum dan Pulau Omadal, Semporna dilaksanakan pada tahun 2019 dengan syarikat peneraju masing-masing yang telah dilantik pada tahun 2015 iaitu 1094762-P dan 898683-T. Pihaknya akan berhubung dengan pihak Jabatan Tanah dan Ukur Sabah serta Lembaga Pemegang Taman-taman Sabah untuk kelulusan tapak pelaksanaan projek kluster.**
- ii. Jabatan Perikanan Sabah akan menyediakan garis panduan baharu bagi pengurusan projek kluster di bawah kendaliannya. Antara lain garis panduan tersebut akan mempermudah syarat menyertai projek kluster.**
- iii. Sebanyak dua (2) projek kluster lagi akan ditubuhkan pada tahun 2019 bagi mencapai penubuhan lapan (8) kluster (80%) daripada 10 kluster yang disasarkan menjelang tahun 2020.**
- iv. Jabatan Perikanan Sabah dalam perancangan untuk melaksanakan projek penanaman rumpai laut secara nukleus. Melalui kaedah ini, keluasan bertanam bagi setiap projek adalah lebih kecil berbanding secara kluster yang lebih mudah diurus dan dipantau.**
- v. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) juga memohon kelulusan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) untuk menggunakan sejumlah RM2 juta daripada peruntukan akaun amanah Mini Estet untuk tujuan penyelidikan anak benih berkualiti dan tahan penyakit oleh Jabatan Perikanan Sabah. Setakat ini beberapa pihak telah mengemukakan cadangan dan Jabatan Perikanan Sabah masih meneliti cadangan-cadangan tersebut untuk tindakan selanjutnya.**

Pada pendapat Audit, prestasi output Projek Kluster Rumpai Laut adalah tidak tercapai kerana hanya empat (4) daripada 10 kluster yang disasarkan telah beroperasi. Produktiviti pengeluaran rumpai

laut oleh setiap peserta juga tidak mencapai sasaran lima (5) tan sehektar setahun.

6.1.2. Prestasi *Outcome*

- a. Salah satu objektif utama pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,000 sebulan.
- b. Berdasarkan temu bual Audit dengan pihak Jabatan Perikanan Sabah serta maklum balas daripada peserta, rumpai laut kering dapat dijual dengan harga purata RM2.50 sekilo atau RM2,500 per tan. Setelah mengambil kira jumlah sasaran pengeluaran peserta sebanyak lima (5) tan (5,000kg) setahun, pihak Audit mendapati pendapatan yang dapat diperolehi bagi setiap peserta dianggarkan berjumlah RM12,500 setahun atau RM1,041.67 sebulan adalah selaras dengan objektif projek untuk meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,000 sebulan. Perkiraan Audit terhadap anggaran pendapatan bulanan peserta adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERKIRAAN ANGGARAN PENDAPATAN BULANAN SETIAP PESERTA

SASARAN PENGELUARAN SETAHUN (KG) (a)	HARGA PURATA (RM/KG) (b)	ANGGARAN PENDAPATAN PESERTA SETAHUN (RM) (c) = (a) x (b)	ANGGARAN PENDAPATAN PESERTA SEBULAN (RM) (d) = (c) ÷ 12
5,000	2.50	12,500	1,041.67

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Sabah

- c. Analisis Audit selanjutnya terhadap pendapatan sebenar peserta dengan mengambil kira pengeluaran keseluruhan sebenar kluster dan harga purata rumpai laut berjumlah RM2.50 sekilogram atau RM2,500 per tan mendapati purata pendapatan keseluruhan bulanan setiap peserta pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing berjumlah RM436.03, RM511.81 dan RM675.78. Terdapat peningkatan purata pendapatan keseluruhan bulanan setiap peserta pada tahun 2016 kepada RM1,328.47 tetapi purata pendapatan keseluruhan tersebut menurun pada tahun 2017 dan 2018 dengan pencapaian purata pendapatan keseluruhan berjumlah RM829.51 dan RM357.47 sebulan. Berdasarkan analisis Audit, sasaran projek untuk meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,000 sebulan masih belum tercapai bagi tahun 2013 hingga 2015, 2017 dan 2018 seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9

PURATA PENDAPATAN SEORANG BULANAN PESERTA BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2018

SYARIKAT PENERAJU	PERKARA	2013	2014	2015	2016	2017	2018
1017109-V	Bilangan Peserta (a)	50	70	70	70	70	70
	Pengeluaran Sebenar (tan) (b)	131.77	181.80	185.40	437.30	354.90	97.50
	Pendapatan Kluster Setahun (c) = (b) X RM 2,500 (RM)	329,425	454,500	463,500	1,093,250	887,250	243,750
	Purata Pendapatan Sebulan Bagi Seorang Peserta (d) = [(c) ÷ (12)] ÷ (a) (RM)	549.04	541.07	551.79	1,301.49	1,056.25	290.18
1019274-X	Bilangan Peserta (a)	30	50	50	50	50	50
	Pengeluaran Sebenar (tan) (b)	42.52	91.00	201.40	410.30	338.50	98.60
	Pendapatan Kluster Setahun (c) = (b) X RM 2,500 (RM)	106,300	227,500	503,500	1,025,750	846,250	246,500
	Purata Pendapatan Sebulan Bagi Seorang Peserta (d) = [(c) ÷ (12)] ÷ (a) (RM)	295.28	379.17	839.17	1,709.58	1,410.42	410.83
S-4-0855	Bilangan Peserta (a)	60	70	70	70	70	70
	Pengeluaran Sebenar (tan) (b)	106.33	191.70	248.70	410.10	40.30	60.20
	Pendapatan Kluster Setahun (c) = (b) X RM 2,500 (RM)	265,825	479,250	621,750	1,025,250	100,750	150,500
	Purata Pendapatan Sebulan Bagi Seorang Peserta (d) = [(c) ÷ (12)] ÷ (a) (RM)	369.20	570.54	740.18	1,220.54	119.94	179.17
S-3-1055	Bilangan Peserta (a)	30	50	50	50	50	50
	Pengeluaran Sebenar (tan) (b)	75.18	125.10	143.00	272.70	221.90	155.50
	Pendapatan Kluster Setahun (c) = (b) X RM 2,500 (RM)	187,950	312,750	357,500	681,750	554,750	388,750
	Purata Pendapatan Sebulan Bagi Seorang Peserta (d) = [(c) ÷ (12)] ÷ (a) (RM)	522.08	521.25	595.83	1,136.25	924.58	647.92
JUMLAH KESELURUHAN	Bilangan Peserta (a)	170	240	240	240	240	240
	Pengeluaran Sebenar (tan) (b)	355.80	589.60	778.50	1,530.40	955.60	411.80
	Pendapatan Kluster Setahun (c) = (b) X RM 2,500 (RM)	889,500	1,474,000	1,946,250	3,826,000	2,389,000	1,029,500
	Purata Pendapatan Sebulan Bagi Seorang Peserta (d) = [(c) ÷ (12)] ÷ (a) (RM)	436.03	511.81	675.78	1,328.47	829.51	357.47

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

- d. Borang soal selidik telah diedarkan pada bulan Julai 2018 kepada 56 peserta merangkumi keempat-empat Projek Kluster Rumpai Laut untuk mendapatkan maklumat pendapatan yang diperolehi oleh setiap peserta setelah menyertai projek. Berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan, hanya 47 peserta yang masih aktif menjalankan aktiviti penanaman rumpai laut melibatkan empat (4) syarikat peneraju dengan pendapatan bulanan seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10
MAKLUM BALAS PENDAPATAN BULANAN PESERTA
BERDASARKAN BORANG SOAL SELIDIK YANG DIEDARKAN

SYARIKAT PENERAJU	BILANGAN PESERTA	PENDAPATAN SEBULAN SEBELUM MENYERTAI PROJEK (RM)	PENDAPATAN SEBULAN SELEPAS MENYERTAI PROJEK (RM)
1017109-V	15	0 – 400	200 - 500
1019274-X	12	0 – 450	300 - 750
S-4-0855	15	300 – 500	300 - 800
S-3-1055	2	300 – 500	1,000
	3	500 - 1,800	1,500 - 3,800
JUMLAH	47		

Sumber: Jabatan Audit Negara

- e. Analisis Audit terhadap **Jadual 10** mendapati tiga (3) peserta (6.4%) berjaya mencapai pendapatan antara RM1,500 hingga RM3,800 sebulan selepas menyertai projek kluster iaitu peserta S-3-1055 kerana komitmen atau kesungguhan peserta yang tinggi. Bagaimanapun seramai 44 peserta (93.6%) belum berjaya meningkatkan pendapatan melebihi RM1,000 selepas menyertai projek kluster iaitu seramai 15 peserta 1017109 dengan pendapatan antara RM200 hingga RM500, 12 peserta 1019274 dengan pendapatan antara RM300 hingga RM750, 15 peserta S-4-0855 dengan pendapatan antara RM300 hingga RM800 serta dua (2) peserta S-3-1055 dengan pendapatan RM1,000 sebulan.
- f. Berdasarkan temu bual dengan pihak Jabatan Perikanan Sabah serta soal selidik yang diedarkan kepada 56 peserta bagi empat (4) Projek Kluster Rumpai Laut yang beroperasi, pendapatan peserta yang kurang daripada sasaran dipengaruhi oleh faktor kekurangan infrastruktur bot penanaman dan kekurangan pelantar penjemuran yang digunakan secara penggiliran menghadkan produktiviti. Selain itu, harga pasaran rumpai laut tidak menentu dengan purata RM2.50 sekilogram serta tiada mekanisme pemasaran dan penjualan disediakan kepada kluster di mana peraih dan pembeli datang sendiri ke tapak projek dan membeli pada harga yang lebih rendah. Disamping itu, industri hiliran yang tidak mampu menerima penawaran kerana terdapat hanya satu (1) pengilang di negeri Sabah yang

memerlukan rumpai laut sebagai bahan mentah bagi tujuan pemprosesan produk hiliran.

- g. Secara amnya, Projek Kluster Rumpai Laut tidak berjaya meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,000 sebulan dan objektif pelaksanaan projek tidak tercapai. Kesan daripada kelemahan yang diperhatikan ini, taraf sosioekonomi peserta juga masih tidak berubah.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 29 Januari 2019

Jumlah pendapatan para peserta yang terlibat mempunyai jurang perbezaan pendapatan disebabkan oleh beberapa perkara seperti berikut:

- i. daya saing peserta sendiri melaksanakan projek;**
- ii. komitmen dan kelemahan pengurusan projek kluster (peneraju kluster);**
- iii. isu perolehan benih; dan**
- iv. isu harga yang tidak stabil (rendah) mendorong para peserta mencari pekerjaan lain sebagai sumber pendapatan alternatif.**

Pada pendapat Audit, prestasi *outcome* Projek Kluster Rumpai Laut belum tercapai kerana 44 (93.6%) daripada 47 peserta (sampel Audit) belum berjaya meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,000 selepas menyertai projek kluster.

6.2. Pengurusan Projek Kluster Rumpai Laut

Beberapa aspek pematuhan disemak dan dinilai untuk memastikan pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut selari dengan objektifnya. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

6.2.1. Prestasi Kewangan

- a. Projek Kluster Rumpai Laut di bawah EPP3 merupakan projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan Jabatan Perikanan Malaysia. Bagi memastikan kelancaran perbelanjaan projek, peruntukan ini telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Perikanan Sabah

di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah selaku agensi pelaksana yang mengawal selia pelaksanaan projek. Penyaluran peruntukan kepada Jabatan Perikanan Sabah pada tahun 2012 adalah melalui vot pembangunan. Bagaimanapun, kaedah penyaluran peruntukan ini telah dipinda kepada vot amanah bermula tahun 2013 memandangkan baki peruntukan di bawah vot pembangunan tidak boleh dibawa ke hadapan bagi menyelesaikan perbelanjaan yang belum dijelaskan pada tahun semasa.

- b. Semakan Audit terhadap peruntukan dan perbelanjaan Projek Kluster Rumpai Laut di bawah vot pembangunan bagi tahun 2012 mendapati Jabatan Perikanan Sabah telah menerima peruntukan sejumlah RM8.31 juta. Sejumlah RM5.58 juta (67.1%) telah dibelanjakan untuk membiayai pelaksanaan empat (4) Projek Kluster Rumpai Laut. Sejumlah RM2.73 juta lagi tidak dapat dibelanjakan. Menurut pihak Jabatan Perikanan Sabah, peruntukan tidak dapat dibelanjakan kerana kesuntukan masa selain kelewatan kelulusan pengecualian Tatacara Tender Projek Kluster daripada Kementerian Kewangan Malaysia yang hanya diperolehi pada 16 Ogos 2012. Kesan daripada itu, perolehan bagi komponen-komponen projek seperti meja pembersihan, benih, plastik, *canvas*, bot dan enjin, *dryer* dan pelantar untuk kegunaan projek kluster tidak dapat dibuat pada tahun tersebut menggunakan peruntukan vot pembangunan yang telah diluluskan.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati peruntukan di bawah vot amanah yang diterima oleh Jabatan Perikanan Sabah bagi tempoh tahun 2013 hingga 2018 adalah berjumlah RM16.7 juta. Prestasi perbelanjaan vot amanah bagi tempoh yang sama pula adalah RM4.20 juta (25.1%) berbanding peruntukan diterima berjumlah RM 16.70 juta seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM KLUSTER RUMPAI LAUT
DI BAWAH VOT AMANAH BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2018

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
	(a)	(b)	(c) = Baki (c) tahun sebelumnya + (a) - (b)
2013	2.70	0.45	2.25
2014	2.00	1.50	2.75
2015	4.00	1.11	5.64
2016	4.00	0.78	8.86
2017	4.00	0.36	12.05
2018	0.00	0.00	12.05
JUMLAH	16.70	4.20 (25.1%)	

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri Sabah

- d. Analisis Audit terhadap **Jadual 11** mendapati peruntukan yang diterima pada tahun 2013 dan 2014 berjumlah RM4.70 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan berkaitan empat (4) projek kluster yang telah beroperasi. Sementara itu, peruntukan berjumlah RM12 juta atau RM4 juta setahun yang diterima pada tahun 2015 hingga 2018 pula bertujuan untuk menubuhkan enam (6) kluster baru (sasaran penubuhan dua (2) kluster setiap tahun) sebagai inisiatif untuk mencapai sasaran EPP3 sebanyak 10 projek kluster rumpai laut di negeri Sabah menjelang tahun 2020.
- e. Pihak Audit bagaimanapun mendapati sehingga bulan Disember 2018, dua (2) syarikat peneraju yang telah dilantik pada tahun 2015 bagi mengendalikan dua (2) projek kluster melibatkan peruntukan RM4 juta belum memulakan operasi disebabkan pertukaran kaedah pembiayaan kepada kaedah *reimbursement* yang memerlukan syarikat peneraju untuk mengeluarkan modal terlebih dahulu bagi tujuan perolehan komponen projek kluster sebagaimana yang ditetapkan dan kemudiannya membuat tuntutan kepada Jabatan Perikanan Sabah. Kos penyediaan komponen projek seperti tali tanaman, pelantar, bot dan meja pembenihan yang berjumlah RM2 juta bagi setiap kluster menyebabkan pihak peneraju tidak dapat melaksanakan projek sebagaimana yang ditetapkan.
- f. Semakan Audit selanjutnya terhadap empat (4) kluster yang dirancang pada tahun 2016 dan 2017 mendapati syarikat peneraju masih belum dilantik walaupun peruntukan sebanyak RM8 juta telah diterima oleh pihak Jabatan Perikanan Sabah.
- g. Selain itu, baki peruntukan di vot amanah berjumlah RM12.05 juta dikhuatiri tidak dapat dibelanjakan mengikut perancangan memandangkan setakat tahun 2018, hanya empat (4) kluster berjaya ditubuhkan dan beroperasi. Manakala dua (2) kluster telah dibuat pelantikan syarikat peneraju tetapi belum beroperasi kerana ketidakmampuan syarikat peneraju menyediakan infrastruktur. Baki empat (4) kluster lagi belum ada perancangan untuk pelaksanaannya. Oleh yang demikian, pihak Audit meragui sasaran untuk membangunkan 10 kluster menjelang tahun 2020 dapat dicapai.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 29 Januari 2019

Jabatan memperakui tidak membelanjakan peruntukan untuk membangunkan enam (6) lagi projek kluster disebabkan oleh isu

kelulusan tanah dan tiada kakitangan khusus/teknikal bagi melaksanakan kerja pelan dan anggaran pembinaan bagi struktur pelantar serta pondok jaga untuk membangunkan projek kluster.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi tahun 2013 hingga 2018 adalah rendah memandangkan hanya 25.1% daripada peruntukan tersebut dibelanjakan dan enam (6) projek kluster rumpai laut yang dirancang belum memulakan operasi/belum ditubuhkan.

6.2.2. Pentadbiran Kontrak

Semakan Audit terhadap pentadbiran kontrak bagi Projek Kluster Rumpai Laut mendapati perkara seperti berikut:

a. Dokumen Perjanjian Tidak Disediakan

- i. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program EPP3 Projek Kluster Rumpai Laut, salah satu daripada syarat penyertaan adalah kluster perlu menandatangani perjanjian sebagai cara untuk menjaga kepentingan Kerajaan selain memastikan peruntukan yang disalurkan mendapat pulangan dan mencapai objektif pelaksanaan. Surat Pelantikan Sebagai Pengurus Projek Kluster Bagi EPP3 di bawah NKEA Pertanian (*Agriculture National Key Economic Areas*) bertarikh 15 Oktober 2012 yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia juga menetapkan agar syarikat peneraju yang dilantik untuk menandatangani dan mematuhi terma dan syarat Perjanjian Pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut; menandatangani '*Integrity Pack*'; dan mengemukakan Surat Setuju Terima dalam tempoh satu (1) bulan.
- ii. Semakan Audit mendapati enam (6) syarikat peneraju yang dilantik telah menandatangani '*Integrity Pack*' serta mengemukakan Surat Setuju Terima dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat lantikan. Bagaimanapun, setakat tarikh pengauditan, dokumen perjanjian antara pihak Kerajaan dengan kesemua syarikat peneraju tersebut tidak disediakan meskipun empat (4) daripadanya telah beroperasi sejak tahun 2012.
- iii. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.2, Perenggan 4.5 dan 4.7 menetapkan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja bukan bermasa bernilai melebihi RM500,000, agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dan disusuli dengan dokumen kontrak

komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat. Analisis Audit mendapati sehingga bulan Disember 2018, tempoh kelewatan menyediakan perjanjian adalah antara tiga (3) tahun satu (1) bulan hingga lima (5) tahun sembilan (9) bulan seperti **Jadual 12**.

JADUAL 12
TEMPOH KELEWATAN MENANDATANGAN DOKUMEN
PERJANJIAN PROJEK KLUSTER RUMPAI LAUT SETAKAT BULAN DISEMBER 2018

BIL.	LOKASI	SYARIKAT PENERAJU	TARIKH SURAT PELANTIKAN	TARIKH SST DITANDATANGAN OLEH SYARIKAT PENERAJU	TARIKH AKHIR TANDATANGAN DOKUMEN PERJANJIAN (4 Bulan Dari Tarikh Syarikat Tandatangan SST)	TEMPOH KELEWATAN MENYEDIAKAN DOKUMEN PERJANJIAN SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018
1.	Look Butun	1017109-V	15.10.2012	30.10.2012	28.02.2012	5 Tahun 9 bulan
2.	Gelam-Gelam	1019274-X	15.10.2012	30.10.2012	28.02.2012	5 Tahun 9 bulan
3.	Silungun	S-4-0855	15.10.2012	30.10.2012	28.02.2012	5 Tahun 9 bulan
4.	Merotai	S-3-1055	15.10.2012	30.10.2012	28.02.2012	5 Tahun 9 bulan
5.	Semporna	1094762-P	23.11.2015	09.12.2015	09.04.2016	3 Tahun 1 bulan
6.	Semporna	898683-T	23.11.2015	15.12.2015	15.04.2016	3 Tahun 1 bulan

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 29 Januari 2019

Sehingga kini surat perjanjian pelaksanaan empat (4) projek yang dilaksanakan pada 2012 tidak dapat dimuktamadkan kerana surat kebenaran masuk (*Permission To Enter*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah adalah untuk membolehkan kerja pengukuran di kawasan yang dipohon dan bukan untuk pembinaan bangunan dan sebagainya.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 5 Mac 2019

Maklum balas sebelum ini menerangkan salah satu sebab surat perjanjian tidak dapat ditandatangani ialah mengenai status milikan tanah. Jabatan Perikanan Sabah telah menyediakan draf perjanjian baru setelah menjadi pemilik kepada projek EPP3 Rumpai Laut di Sabah. Jabatan Perikanan Sabah telah mengambil langkah mengadakan mesyuarat bersama dengan Jabatan Tanah dan Ukur Sabah pada 29 Januari 2019 dan telah menyiapkan draf perjanjian

baru dan telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Besar Negeri pada 25 Februari 2019 untuk semakan. Dokumen perjanjian akan dimuktamadkan dan ditandatangani sebaik sahaja mendapat maklum balas dari Jabatan Peguam Besar Negeri.

Pada pendapat Audit, ketiadaan perjanjian formal antara Kerajaan dan syarikat peneraju akan mengakibatkan kepentingan Kerajaan tidak terjaga. Selain itu, tidak ada tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan sekiranya syarikat peneraju gagal memenuhi tanggungjawab mereka.

b. Tanggungjawab Pengurus Projek

- i. Berdasarkan Surat Pelantikan Sebagai Pengurus Projek bertarikh 15 Oktober 2012 kepada keempat-empat syarikat peneraju, antara lain menjelaskan bahawa syarikat peneraju yang dilantik merupakan Pengurus Projek yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan komponen pengkulturan dan infrastruktur asas Projek Kluster Rumpai Laut. Pengurus Projek diperuntukkan pembiayaan kewangan berjumlah RM8.31 juta bagi Projek Kluster 1017109-V, 1019274-X, S-4-0855, dan S-3-1055 masing-masing berjumlah RM2.42 juta, RM1.40 juta, RM2.74 juta dan RM1.75 juta. Di samping itu, Pengurus Projek juga bertanggungjawab untuk menjana Pendapatan Negara Kasar atau *Gross National Income* (GNI) berjumlah RM49.28 juta menjelang tahun 2020 bagi Projek Kluster 1017109-V, 1019274-X, S-4-0855, dan S-3-1055 masing-masing berjumlah RM15.47 juta, RM7.63 juta, RM18.55 juta dan RM7.63 juta seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
JUMLAH PEMBIAYAAN DAN SASARAN PENJANAAN
PENDAPATAN NEGARA KASAR (GNI) MENJELANG TAHUN 2020

LOKASI	SYARIKAT PENERAJU	TARIKH SURAT PELANTIKAN	PERUNTUKAN PEMBIAYAAN (RM Juta)	PENJANAAN PENDAPATAN NEGARA KASAR MENJELANG TAHUN 2020 (RM Juta)
Look Butun	1017109-V	15.10.2012	2.42	15.47
Gelam-Gelam	1019274-X	15.10.2012	1.40	7.63
Silungun	S-4-0855	15.10.2012	2.74	18.55
Merotai	S-3-1055	15.10.2012	1.75	7.63
JUMLAH			8.31	49.28

Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

- ii. Semakan Audit terhadap Surat Pelantikan Pengurus Projek dan Garis Panduan Pelaksanaan Program EPP3 Projek Kluster Rumpai Laut mendapati tiada butiran terperinci dinyatakan mengenai kewajaran dan asas pengiraan jumlah Pendapatan Negara Kasar (GNI) yang ditetapkan, keupayaan sebenar Pengurus Projek mencapai GNI yang ditetapkan, kaedah pemantauan terhadap prestasi pencapaian GNI dan tindakan lanjut sekiranya GNI tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pihak Audit juga tidak dapat menentukan status pencapaian GNI projek kerana maklumat berkaitan tidak dikemukakan kepada pihak Audit.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 8 Februari 2019

Jabatan Perikanan Sabah memaklumkan bahawa pihaknya belum pernah membuat penilaian terhadap pencapaian GNI bagi setiap kluster. Pihaknya perlu menentukan indikator yang jelas, boleh diukur serta data yang lengkap dan kemas kini bagi setiap indikator bagi membolehkan penilaian terhadap pencapaian GNI dibuat.

Pada pendapat Audit, sasaran GNI yang dinyatakan dalam Surat Pelantikan Pengurus Projek adalah tidak terperinci. Butiran sasaran GNI yang ditetapkan hendaklah diperincikan dengan jelas bagi membolehkan penilaian dibuat terhadap prestasi pencapaian sebenar GNI bagi setiap kluster.

c. Projek Kluster di Kampung Silungun Bertukar Syarikat Peneraju Tanpa Makluman Kepada Jabatan Perikanan Malaysia

- i. Garis Panduan Pelaksanaan Program EPP3 Projek Kluster Rumpai Laut menetapkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia perlu mengeluarkan surat lantikan kepada syarikat peneraju melalui Jabatan Perikanan Sabah.
- ii. Semakan Audit mendapati syarikat peneraju bagi Projek Kluster di Kampung Silungun yang dilantik pada tahun 2012 adalah S-4-0855. Lawatan Audit pada 18 Julai 2018 mendapati syarikat peneraju bagi Projek Kluster di Kampung Silungun telah bertukar kepada LLP0011463-LGN pada 2 Ogos 2017.

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada surat penamatan terhadap S-4-0855 sebagai syarikat peneraju yang dilantik dan tiada surat pelantikan LLP0011463-LGN sebagai syarikat peneraju baharu dikeluarkan sama ada oleh pihak Jabatan Perikanan Malaysia atau Jabatan Perikanan Sabah.
- iv. Perkara ini berlaku kerana tiada proses kerja disediakan mengenai proses pertukaran syarikat peneraju dan dokumen perjanjian tidak disediakan bagi menjelaskan syarat dan terma-terma pertukaran syarikat peneraju.
- v. Kesannya, LLP0011463-LGN telah bertindak sebagai syarikat peneraju secara tidak sah.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 29 Januari 2019

Projek ini terbiar pada tahun 2015-2016 apabila pengurus projek menghilang diri. Faktor tiada penjagaan dan kerosakan oleh bencana alam merisaukan Jabatan, ditambah lagi projek ini terlalu jauh dari pekan Semporna. Perbincangan dijalankan bersama syarikat yang aktif dengan perladangan rumpai laut iaitu LLP0011463-LGN untuk dilantik sebagai peneraju bagi menyelamatkan projek ini daripada mengalami kegagalan atau kerugian kepada Kerajaan.

Syarikat bersetuju untuk meneruskan projek kluster di Silungun dan bersedia memperbaiki kerosakan infrastruktur dan ladang dengan syarat, tidak dikenakan sebarang caj oleh Kerajaan mengenai penggunaan peralatan menanam dan infrastruktur. Syarikat juga memohon tidak menandatangani dahulu apa-apa surat perjanjian/komitmen dengan Kerajaan sehingga syarikat dapat menjalankan percubaan penanaman untuk tempoh setahun.

Jabatan pada waktu ini lebih mengutamakan untuk menyelamatkan peralatan penanaman, pelantar dan beberapa aset lain daripada mengalami kerosakan dan kecurian. Jabatan akan mengambil langkah berbincang dengan syarikat ini untuk memuktamadkan sama ada sanggup menjadi peneraju atau sebaliknya.

Pada pendapat Audit, urusan pertukaran syarikat peneraju adalah tidak teratur. Prosedur pertukaran syarikat peneraju hendaklah

didokumenkan dengan jelas bagi menjaga kepentingan Kerajaan serta pihak yang terlibat khususnya peserta.

6.2.3. Pelaksanaan Projek

Pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut meliputi status ladang/tapak dan pembangunan infrastruktur yang diperlukan sebagaimana yang ditetapkan oleh EPP3 bagi memastikan objektif projek kluster dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek mendapati perkara seperti berikut:

a. Kebenaran Masuk Tidak Diperoleh

- i. Garis Panduan Pelaksanaan Program EPP3 Projek Kluster Rumpai Laut menetapkan bahawa ladang/tapak mesti memperoleh kelulusan permit/surat kebenaran masuk daripada Jabatan Tanah dan Ukur atau kawasan terlibat telah diwartakan oleh kerajaan sebagai kawasan pembangunan Projek Rumpai Laut bagi pelantikan peserta/syarikat peneraju.
- ii. Semakan Audit mendapati kelulusan permit/surat kebenaran masuk tapak daripada Jabatan Tanah dan Ukur hanya diperolehi bagi tiga (3) daripada enam (6) tapak. Maklumat permohonan dan kelulusan bagi tiga (3) kluster lagi tidak diperolehi. Butiran permohonan adalah seperti **Jadual 14**.

JADUAL 14
STATUS KELULUSAN PERMIT/SURAT
KEBENARAN MASUK DARIPADA JABATAN TANAH DAN UKUR

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	TAPAK	TARIKH LANTIKAN	TARIKH KELULUSAN PERMIT/SURAT KEBENARAN MASUK OLEH JTU
1.	1017109-V	Look Butun	15.10.2012	22.04.2014
2.	1019274-X	Gelam-gelam	15.10.2012	22.04.2014
3.	S-4-0855	Silungun	15.10.2012	Tidak diperolehi
4.	S-3-1055	Merotai	15.10.2012	Tidak diperolehi
5.	1094762-P	Pulau Bum-bum	23.11.2015	Tidak diperolehi
6.	898683-T	Pulau Omodal	23.11.2015	22.04.2014

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati Jabatan Perikanan Sabah telah melantik dan melaksanakan empat (4) projek kluster pada tahun 2012 walaupun kebenaran masuk daripada Jabatan Tanah dan Ukur belum

diperolehi. Keadaan ini disebabkan lantikan dibuat tanpa merujuk status permit daripada pihak Jabatan Tanah dan Ukur.

- iv. Kesannya, Projek Kluster Rumpai Laut telah dilaksanakan secara tidak sah di kawasan yang terlibat dan menghadapi risiko diusir dari tapak oleh Kerajaan jika tapak digunakan untuk tujuan yang lain. Tindakan undang-undang juga boleh dikenakan terhadap pencerobohan tanah Kerajaan.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 8 Februari 2019

Jabatan Perikanan Sabah memaklumkan bahawa kesemua permohonan yang belum mendapat kelulusan masih dalam tindakan Jabatan Tanah dan Ukur Sabah. Pihaknya sentiasa berhubung pihak Jabatan Tanah dan Ukur bagi mendapatkan kelulusan permit masuk. Pihaknya juga akan berhubung dengan Lembaga Pemegang Taman-taman Sabah untuk mendapatkan kelulusan bagi pelaksanaan projek kluster di kawasan yang diwartakan di bawah Lembaga Pemegang Taman-Taman Sabah.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut tidak mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Program EPP3 Projek Kluster Rumpai Laut kerana kebenaran masuk tapak tidak diperoleh terlebih dahulu bagi setiap tapak projek yang diusahakannya.

b. Komponen Projek Tidak Dilaksanakan/Rosak

- i. Garis Panduan Pelaksanaan Program EPP3 Projek Kluster Rumpai Laut menetapkan pemberian bantuan Projek Kluster Rumpai Laut yang diuruskan oleh Jabatan Perikanan Sabah pada tahun 2012 adalah untuk pembangunan infrastruktur yang melibatkan dua (2) komponen utama iaitu komponen A dan B seperti **Jadual 15**.

JADUAL 15
KOMPONEN BANTUAN PROJEK KLUSTER RUMPAI LAUT BAGI TAHUN 2012

BIL.	KOMPONEN	1017109-V	1019274-X	S-4-0855	S-3-1055	JUMLAH
	Bilangan Peserta (orang)	50	30	60	30	170
KOMPONEN A						
1.	50 Tali Tanaman (EFL) @ RM400/Tali (RM)	1,000,000	600,000	1,200,000	600,000	3,400,000
2.	Blok Sistem: Sauh, Pancang Dan Tali @RM5,000 /Peserta (RM)	250,000	150,000	300,000	150,000	850,000
3.	10 Tali Tanaman Nurseri(EFL)/peserta (RM)	200,000	120,000	240,000	120,000	680,000

BIL.	KOMPONEN	1017109-V	1019274-X	S-4-0855	S-3-1055	JUMLAH
Bilangan Peserta (orang)		50	30	60	30	170
4.	Benih Rumpai Laut @ RM600/Peserta (RM)	30,000	18,000	36,000	18,000	102,000
5.	Plastik Lut Sinar @ RM100/Gulung. (2 Gulung/Peserta) (RM)	10,000	6,000	12,000	6,000	34,000
JUMLAH (RM)		1,490,000	894,000	1,788,000	894,000	5,066,000
KOMPONEN B						
1.	Bot Kargo (Bot Gentian Kaca 25 Kaki C/W 40 Hp @ RM30,000/Bot.) (10 Peserta/Bot) (RM)	150,000	90,000	180,000	90,000	510,000
2.	Pelantar Guna Sama @RM250,000 Seunit (RM)	500,000	250,000	500,000	500,000	1,750,000
3.	Meja Pembenhian (Saiz 8 X 5 Kaki) @ Rm3,000 Seunit. 20 Meja/Kluster (RM)	60,000	60,000	60,000	60,000	240,000
4.	Kanvas (Sungkupan) 20 Gulung/Kluster @ RM500/Gulung (RM)	10,000	10,000	10,000	10,000	40,000
5.	Dryer @ RM100,000 Seunit (RM)	200,000	100,000	200,000	200,000	700,000
JUMLAH (RM)		920,000	510,000	950,000	860,000	3,240,000
JUMLAH A + B (RM)		2,410,000	1,404,000	2,738,000	1,754,000	8,306,000

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

- ii. Lawatan fizikal dan pemeriksaan Audit pada 17 hingga 19 Julai 2018 di empat (4) lokasi Projek Kluster Rumpai Laut mendapati perkara seperti berikut:

- **Pelantar Penjemuran**

- Sejumlah RM1,750,000 telah diperuntukkan kepada empat (4) lokasi Projek Kluster Rumpai Laut untuk membina tujuh (7) pelantar guna sama pada harga RM250,000 seunit. Pihak Audit mendapati hanya lima (5) daripada tujuh (7) pelantar siap dibina dengan sempurna iaitu tiga (3) Pelantar Blok A masing-masing di 1017109-V, 1019274-X dan S-3-1055 serta dua (2) Pelantar Blok B di 1017109-V dan S-4-0855. Sebanyak satu (1) Pelantar Blok A pula dibina di S-4-0855 tetapi tidak mengikut spesifikasi manakala satu (1) Pelantar Blok B di S-3-1055 tidak dibina kerana faktor dasar laut yang dalam. Butiran adalah seperti **Jadual 16**.

JADUAL 16
STATUS PEMBINAAN PELANTAR

SYARIKAT PENERAJU	PELANTAR BLOK	TARIKH SEBENAR SIAP	NILAI PEROLEHAN (RM)	STATUS
1017109-V	A	14.02.2014	231,790.00	Siap dibina tetapi telah rosak.
	B	14.02.2014	225,780.00	Siap dibina, sedang digunakan seperti di Gambar 4 .
1019274-X	A	14.02.2014	223,750.00	Siap dibina tetapi telah rosak.
S-4-0855	A	2013	235,795.00	Dibina tetapi tidak mengikut spesifikasi, rosak.
			(Dibayar 197,395.80)	
	B	14.02.2014	240,720.50	Siap dibina, sedang digunakan seperti di Gambar 5 .
S-3-1055	A	08.04.2013	245,599.00	Siap dibina tetapi telah dicuri dan rosak.
	B	-	-	Tidak Dibina.

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

- Semakan Audit mendapati satu (1) Pelantar Blok A yang dibina di S-4-0855 dengan kos asal berjumlah RM235,795. Bagaimanapun sehingga 10 Januari 2013, hanya sejumlah RM197,395 (83.7%) telah dibayar kepada kontraktor. Berdasarkan pemeriksaan oleh pihak Jabatan Perikanan Sabah pada 17 Mei 2013 didapati kerja-kerja cerucuk pelantar tidak dilaksanakan dengan sempurna menyebabkan semua struktur pelantar, pintu serta jendela tidak berfungsi dan merumuskan bahawa bangunan pelantar tersebut tidak selamat digunakan. Berdasarkan Laporan Polis yang dibuat oleh Pegawai Perikanan Semporna pada 10 Oktober 2014, pelantar telah roboh pada 9 Oktober 2014 disebabkan ribut dan angin kencang.
- Semakan Audit serta penjelasan daripada pegawai Jabatan Perikanan Sabah dan peserta mendapati empat (4) pelantar telah dicuri/rosak dan tidak dapat digunakan sama ada akibat binaan yang tidak sempurna dan faktor cuaca. Hanya dua (2) pelantar masing-masing di kluster 1017109-V dan S-4-0855 yang masih boleh digunakan seperti **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



Kampung Look Butun
- Pelantar Penjemuran yang Masih Digunakan
(17.07.2018)

GAMBAR 4



Kampung Silungun
- Pelantar Penjemuran yang Masih Digunakan
(18.07.2018)

- Kesannya, peserta projek sukar melaksanakan aktiviti penanaman rumpai laut dan menjejaskan pengeluaran rumpai laut dan pendapatan peserta. Selain itu, pembinaan pelantar yang tidak mengikut spesifikasi menyebabkan pelantar telah rosak yang merugikan Kerajaan dan menjejaskan pelaksanaan projek.

- **Bot Kargo**

- Sejumlah RM510,000 telah diperuntukkan kepada empat (4) lokasi Projek Kluster Rumpai Laut untuk membeli 17 bot kargo iaitu bot gentian kaca berukuran 25 kaki berserta enjin 40hp pada harga RM30,000 sebuah. Bot-bot ini diserahkan kepada syarikat peneraju untuk kegunaan peserta. Semakan Audit terhadap baucar bayaran nombor 5400 bertarikh 03 Disember 2014 mendapati lapan (8) daripada 17 unit bot berukuran 25 kaki berserta enjin sangkut 40hp telah dibeli manakala bakinya, sembilan (9) bot berukuran 25 kaki berserta enjin sangkut 40hp tidak dibeli tetapi telah digantikan dengan pembelian 17 unit bot berukuran 17 kaki berserta enjin sangkut 15hp seperti **Jadual 17**. Jabatan Perikanan Sabah memaklumkan bahawa perubahan spesifikasi pembekalan bot adalah disebabkan oleh permintaan dan keperluan peserta/syarikat peneraju.

JADUAL 17
BOT KARGO BESERTA ENJIN SANGKUT YANG
DIBEKALKAN KEPADA PESERTA PROJEK KLUSTER RUMPAI LAUT

SYARIKAT PENERAJU	BOT 25' 40HP		BOT 17' 15HP		JUMLAH KESELURUHAN		TARIKH PEROLEHAN
	UNIT	JUMLAH (RM)	UNIT	JUMLAH (RM)	UNIT	JUMLAH (RM)	
1017109-V	2	53,562.60	5	54,574.00	7	108,136.60	3.12.2014
1019274-X	2	53,562.60	3	32,744.40	5	86,307.00	
S-4-0855	2	53,562.60	6	65,488.80	8	119,051.40	
S-3-1055	2	53,562.60	3	32,744.40	5	86,307.00	
JUMLAH	8	214,250.40	17	185,551.60	25	399,802.00	

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

- Pemeriksaan fizikal Audit pada 17 dan 19 Julai 2018 mendapati semua bot yang dibekalkan pada 05 Mei hingga 10 September 2014 telah bocor dan rosak seperti **Gambar 5** dan **Gambar 6**. Pihak Jabatan Perikanan Sabah memaklumkan bahawa tempoh jaminan kerosakan bot telah tamat.

GAMBAR 5



Kg. Look Butun
- Bot Bocor dan Rosak Tersadai di Rumah Peserta
(17.07.2018)

GAMBAR 6



Kg. Merotai
- Bot Bocor dan Rosak Tersadai di Rumah Peserta
(19.07.2018)

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 5 Mac 2019

Jabatan Perikanan Sabah telah membuat pemeriksaan fizikal bot di setiap tapak projek pada 18 dan 19 Februari 2019. Pihaknya mendapati daripada sebanyak 25 bot yang dibekalkan, sebanyak empat (4) bot dalam keadaan baik, 10 bot rosak tetapi boleh dibaiki, sembilan (9) bot rosak dan tidak ekonomik dibaiki manakala baki dua (2) bot dikesan berada pada pengurus lama dan peserta asal. Laporan Polis akan dibuat bagi mendapatkan baki dua (2) bot berkenaan.

- **Dryer**

- Sejumlah RM700,000 telah diperuntukkan kepada empat (4) syarikat peneraju untuk tujuh (7) unit *dryer* berharga RM100,000 seunit. Lawatan Audit pada 17 hingga 19 Julai 2018 mendapati *dryer* tidak dibekalkan kepada syarikat peneraju yang dilantik seperti **Jadual 18**.

JADUAL 18
KOMPONEN DRYER TIDAK DIBEKALKAN KEPADA KLUSTER

SYARIKAT PENERAJU	BILANGAN	JUMLAH (RM)
1017109-V	2	200,000
1019274-X	1	100,000
S-4-0855	2	200,000
S-3-1055	2	200,000
JUMLAH	7	700,000

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

- Berdasarkan temu bual bersama pegawai Jabatan Perikanan Sabah, *dryer* tersebut tidak dibekalkan kerana kapasiti pengeringan adalah terhad berbanding pengeringan secara

konvensional. Peserta tidak berminat menggunakannya selari dengan penemuan Laporan Ketua Audit Negara Persekutuan tahun 2011.

- Semakan Audit mendapati peruntukan perolehan *dryer* berjumlah RM700,000 yang tidak dibelanjakan tersebut telah ditarik balik pada tahun 2012 memandangkan ianya diperuntukkan melalui vot pembangunan. Jumlah peruntukan yang sama telah disalurkan semula melalui vot amanah pada tahun 2013. Peruntukan komponen *dryer* tersebut bagaimanapun digunakan bagi membiayai perolehan komponen perkakasan penanaman dan infrastruktur yang lain. Setakat bulan Disember 2018, sejumlah RM571,080 daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 29 Januari 2019

***Dryer* adalah komponen awal yang dicadangkan di bawah *Entry Point Project (EPP3)* projek kluster. Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan Sabah selaku pelaksana projek tidak bersetuju dengan komponen *dryer* ini kerana ia dilihat tidak praktikal digunakan untuk pengeringan rumpai laut.**

c. Komponen Bantuan Belum Diserahkan

- i. Garis Panduan Pelaksanaan Projek EPP3 Projek Kluster Rumpai Laut menetapkan setiap kluster dibekalkan dengan 20 buah meja pembenihan bersaiz 8 kaki x 5 kaki yang bernilai RM3,000 seunit untuk kegunaan di pelantar oleh peserta bagi tujuan penyediaan benih dan penanaman rumpai laut. Sejumlah RM240,000 telah diperuntukkan untuk membekalkan 80 unit meja pembenihan untuk empat (4) lokasi Projek Kluster Rumpai Laut.
- ii. Semakan Audit mendapati perolehan 80 unit meja pembenihan bagi empat (4) kluster telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan 68 unit daripadanya telah diserahkan kepada kluster yang berkenaan. Pemeriksaan lanjut Audit mendapati terdapat baki 12 unit (RM36,000) lagi yang sepatutnya diserahkan kepada syarikat peneraju 1017109-V masih disimpan di stor Jabatan Perikanan Sabah cawangan Semporna

sejak diterima pada bulan September 2013. Keadaan meja pembenihan seperti **Gambar 7**.



GAMBAR 7

**Jabatan Perikanan Sabah Cawangan Semporna
- 12 Unit Meja Pembenihan yang Belum
Diserahkan dan Disimpan Dalam Stor
(18.07.2018)**

- iii. Penyerahan meja pembenihan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana satu (1) daripada pelantar di 1017109-V telah rosak. Kesan daripada itu, aktiviti pembenihan bagi penanaman rumpai laut sukar dilaksanakan oleh peserta projek serta menyebabkan penghasilan benih rumpai laut terjejas.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 29 Januari 2019

Pengagihan komponen ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana pelantar yang dibina telah rosak dan tiada ruang bagi penempatan meja pembenihan oleh syarikat peneraju.


Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan dari aspek pengurusan komponen bantuan kerana terdapat komponen tidak dilaksanakan/rosak dan belum diserahkan.

6.2.4. Pemasaran

- a. Pemasaran adalah elemen penting untuk memastikan pembangunan sesebuah industri dapat direalisasikan. Dalam konteks Projek Kluster Rumpai Laut, mekanisme pemasaran yang sesuai amatlah penting agar hasil yang diusahakan oleh peserta kluster dapat dijual pada kadar harga yang lebih baik sama ada di dalam atau luar negara dan peserta mampu memperoleh pendapatan daripada aktiviti tersebut. Untuk mencapai sasaran ini, satu usaha untuk memperkasa industri rumpai laut hendaklah diambil tindakan dengan penglibatan secara holistik entiti yang terlibat di peringkat hulu dan hiliran termasuk sokongan daripada pihak Kerajaan.

- b. Berdasarkan pemerhatian Audit, kitaran aktiviti bagi Projek Kluster Rumpai Laut adalah seperti **Gambar Rajah 1**.

**GAMBAR RAJAH 1
KITARAN AKTIVITI PROJEK KLUSTER RUMPAI LAUT**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Sabah

- c. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program EPP3 Projek Kluster Rumpai Laut, di peringkat hulu, Jabatan Perikanan Sabah memainkan peranan penting sebagai pemudah cara dan penyedia peruntukan bagi tujuan perolehan peralatan serta pengagihan bantuan kepada peserta dan kluster selain bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan pelaksanaan projek. Syarikat peneraju yang bertindak selaku pengurus kluster pula bertanggungjawab untuk memantau dan menyelia pelaksanaan semasa projek serta mengemukakan laporan berkala kepada Jabatan Perikanan Sabah. Peserta kluster pula bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti pengkulturan dan penanaman mengikut perancangan.
- d. Pada peringkat pemasaran dan jualan, semakan Audit mendapati aktiviti ini dipelopori oleh pemborong selaku orang tengah. Jabatan Perikanan Sabah tidak menyediakan fasiliti kepada kluster untuk aktiviti pemasaran dan jualan memandangkan aktiviti ini tidak diambil kira semasa perancangan pelaksanaan projek kluster. Jabatan Perikanan Sabah juga tidak mempunyai unit khusus bagi mengendalikan aktiviti pemasaran dan jualan. Penjualan hasil rumpai laut kepada pemborong dilihat sebagai cara yang lebih mudah kepada peserta untuk menjual hasil rumpai laut yang diperolehi. Ketiadaan fasiliti pemasaran dan jualan kepada kluster ini memberi kelebihan kepada pemborong untuk membeli hasil rumpai laut kluster pada harga yang rendah.

- e. Bagi tujuan perbandingan kaedah pemasaran, pihak Audit telah membuat perbandingan dengan projek penanaman rumpai laut di Pulau Ligitan, Semporna, Sabah yang dilaksanakan oleh peserta yang berdaftar dengan Pertubuhan Peladang Kawasan Semporna. Pihak Audit mendapati Pertubuhan Peladang Kawasan Semporna membeli rumpai laut daripada pesertanya secara tetap pada harga pasaran.
- f. Pada peringkat hiliran, terdapat dua (2) pihak utama yang mempunyai kepentingan dalam industri rumpai laut di negeri Sabah iaitu pengilang dan pengeksport.

i. Pengilang

Tinjauan Audit mendapati di negeri Sabah terdapat hanya satu (1) pengilang iaitu 351818-X yang menjalankan aktiviti hiliran dengan memproses rumpai laut kepada produk akhir (karagenan dan baja organik). Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 1998 yang beroperasi di daerah Tawau. Berdasarkan temu bual bersama pihak syarikat pada bulan November 2018 mendapati kebanyakan rumpai laut diperolehi daripada pemborong dan sebahagian kecil lagi daripada peserta yang menghantar sendiri hasil tuaian mereka. Bergantung kepada harga pasaran semasa, syarikat hanya mampu menerima bekalan rumpai laut terhad sebanyak 200 tan sebulan. Ketiadaan mekanisme untuk mengawal turun naik harga (*fluctuation*) oleh Kerajaan menyebabkan pihak syarikat terpaksa menghadkan pembelian rumpai laut sebagai langkah untuk mengawal kos bahan mentah sekiranya berlaku perubahan harga rumpai laut di pasaran dunia yang akan memberi kesan langsung kepada keuntungan syarikat. Inisiatif kawalan harga oleh Kerajaan akan menjadi satu (1) insentif dan dorongan kepada pihak pengilang untuk membeli dengan kuantiti yang banyak dari pengusaha sekali gus akan menaikkan lagi industri rumpai laut.

ii. Pengeksport

Tinjauan Audit turut dibuat di peringkat pengeksport dengan menemu bual salah satu syarikat pengeksport rumpai laut iaitu R5024. Temu bual mendapati permintaan dan sambutan negara luar terhadap rumpai laut dari Malaysia adalah baik. Meskipun rumpai laut mempunyai pasaran global yang luas, syarikat tidak dapat berurusan secara terus dengan pembeli dari negara luar kerana tiada mekanisme khusus yang disediakan oleh Kerajaan bagi tujuan pemasaran ke peringkat antarabangsa. Pewujudan mekanisme pemasaran eksport ini bukan

sahaja dapat membawa rumpai laut ke pasaran global tetapi juga dapat menaikkan industri rumpai laut Sabah melalui peluasan pasaran dan peningkatan permintaan global. Selain itu, pengeksport tempatan haruslah didedahkan dengan kaedah pengeksportan selain mempelawa pengeksport yang berminat untuk menghadiri persidangan antarabangsa bagi tujuan pengembangan pasaran.

- g. Secara amnya bagi Projek Kluster Rumpai Laut, semakan Audit mendapati aktiviti selepas proses pengeluaran iaitu penjualan dan pemasaran hasil tuaian tidak diambil kira dalam kitaran pelaksanaan projek. Fokus pelaksanaan projek hanyalah untuk menyusun atur penanam kecil selain meningkatkan pengeluaran dan pendapatan para peserta. Penjualan dan pemasaran rumpai laut diuruskan sendiri oleh peserta sama ada dengan menjual kepada pemborong, orang tengah ataupun secara terus kepada pengilang.
- h. Ketiadaan mekanisme pemasaran dan kebergantungan jualan kepada orang tengah menyebabkan harga jualan yang diperolehi peserta adalah pada kadar yang rendah iaitu purata RM2.50 sekilogram. Keadaan ini sekali gus menjejaskan kejayaan projek apabila terdapat segelintir peserta kluster yang mula tidak berminat untuk meneruskan projek dan beralih kepada pekerjaan lain kerana merasakan penanaman rumpai laut tidak memberi pulangan yang setimpal.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 29 Januari 2019

Jabatan mengakui tidak ada mekanisme khusus yang berkaitan pemasaran rumpai laut dan pengawalan dari segi harga rumpai laut. Walau bagaimanapun, Pihak Jabatan telah mengambil inisiatif seperti mengadakan sesi perbincangan dengan pengilang untuk membeli hasil yang dikeluarkan oleh syarikat peneraju.

Pada pendapat Audit, aspek pemasaran rumpai laut yang tidak diambil kira menyebabkan harga jualan rumpai laut terdedah kepada turun naik harga pasaran dan peserta terpaksa menjual pada harga yang rendah.

6.2.5. Pemantauan

- a. Garis Panduan Pelaksanaan Program EPP3 Projek Kluster Rumpai Laut menetapkan Pengurus Projek Kluster Jabatan Perikanan Sabah hendaklah membantu program pemantauan dari segi pelaksanaan projek dan pengeluaran rumpai laut. Deskripsi tugas Pengurus Projek Kluster adalah seperti berikut:
- i. membuat lawatan berkala ke tapak projek,
 - ii. berbincang dengan pengurus syarikat hal-hal berkaitan dengan projek yang sedang dijalankan,
 - iii. menyimpan rekod-rekod peralatan/bantuan yang diberikan dengan baik dan dikemas kini, dan
 - iv. menyediakan laporan berkala dan memaklumkan kepada pihak Cawangan Pengurusan Sumber Akuakultur.
- b. Semakan Audit mendapati Jabatan Perikanan Sabah tidak mematuhi satu (1) daripada empat (4) kriteria pemantauan. Selain itu, rekod yang disediakan tidak komprehensif dan tidak menjawab objektif projek kluster kerana maklumat berkaitan pendapatan serta produktiviti setiap peserta tidak disediakan seperti **Jadual 19**.

JADUAL 19
PROGRAM PEMANTAUAN PENGURUS PROJEK

BUTIRAN PEMANTAUAN	ADA (/)/ TIADA
Membuat lawatan berkala ke tapak projek.	/
Berbincang dengan pengurus syarikat hal-hal berkaitan dengan projek yang sedang dijalankan.	X
Rekod-rekod peralatan/bantuan yang diberikan turut perlu disimpan baik dan dikemas kini.	/
Laporan berkala perlu disediakan dan dimaklumkan kepada pihak Cawangan Pengurusan Sumber Akuakultur.	/

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

- c. Surat Pelantikan sebagai Pengurus Projek bertarikh 15 Oktober 2012 kepada keempat-empat syarikat peneraju menjelaskan bahawa syarikat peneraju yang dilantik hendaklah membekalkan semua maklumat yang berkaitan dari semasa ke semasa seperti yang diperlukan. Semakan Audit mendapati tiada mekanisme diwujudkan bagi melaporkan pencapaian GNI yang ditetapkan bagi setiap syarikat peneraju.

- d. Jawatankuasa serta mesyuarat yang berkaitan hendaklah diadakan bagi memantau pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut supaya isu berbangkit yang boleh menjejaskan kejayaan projek dapat dibincang dan diselesaikan. Pihak Audit mendapati tiada jawatankuasa ditubuhkan atau mesyuarat diadakan bagi memantau pelaksanaan Projek Kluster Rumpai Laut.
- e. Perkara ini berlaku antara lain kerana tiada *Standard Operating Procedures* (SOP) yang spesifik disediakan sebagai panduan pelaksanaan projek. Kesannya, isu-isu utama projek seperti penubuhan kluster, kelulusan permit masuk dan pencapaian objektif projek tidak dapat dibincang dan diselesaikan.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Sabah yang Diterima pada 29 Januari 2019

Pihak Jabatan mengakui lebih fokus mengumpul data berkaitan dengan pengeluaran dan tidak mengambil perhatian mendapatkan maklumat dari segi kos operasi, gaji dan kos penyelenggaraan yang membolehkan pihak Jabatan menyediakan laporan menyeluruh pencapaian projek.

Pada pendapat Audit, pemantauan Projek Kluster Rumpai Laut belum mengadakan mekanisme yang berkesan kerana masih terdapat isu-isu utama projek masih belum diambil tindakan.

7. RUMUSAN AUDIT KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa Projek Kluster Rumpai Laut belum mencapai objektif yang ditetapkan memandangkan hanya empat (4) daripada 10 kluster yang dirancang telah ditubuhkan dan beroperasi. Produktiviti pengeluaran rumpai laut pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing 2.09 tan, 2.46 tan dan 3.24 tan sehektar setahun bagi setiap peserta adalah lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta. Sasaran projek untuk meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,000 sebulan juga masih belum tercapai memandangkan purata pendapatan bulanan setiap peserta pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing berjumlah RM436.03, RM511.81 dan RM675.78.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan Projek Kluster Rumpai Laut dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya pihak Jabatan Perikanan Sabah mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 8.1. perancangan rapi dibuat termasuk isu tanah, melantik peneraju yang berwibawa dan mempercepatkan penubuhan baki kluster yang disasarkan bagi memastikan projek boleh beroperasi dan memberi manfaat kepada peserta;
- 8.2. menjalankan usaha penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan benih rumpai laut yang boleh mengeluarkan produktiviti yang tinggi agar objektif produktiviti lima (5) tan sehektar setahun bagi setiap peserta dapat dicapai;
- 8.3. mewujudkan mekanisme pemasaran dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan bagi membantu peserta menjual rumpai laut untuk mendapatkan harga yang lebih kompetitif dan tidak terhad kepada monopoli orang tengah atau syarikat tertentu. Kerajaan juga wajar menetapkan harga lantai dengan memberikan subsidi bagi menstabilkan harga rumpai laut; dan
- 8.4. mendidik dan memberi panduan kepada peserta untuk mengamalkan kaedah ladang separa komersil untuk pengiktirafan agar produk boleh dipasarkan secara global.

PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SABAH

2 | PBNS HOLDINGS SDN. BHD.

1. LATAR BELAKANG

1.1. PBNS Holdings Sdn. Bhd. (PBNSH) diperbadankan pada 12 September 2006 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar berjumlah RM1 juta. PBNSH merupakan Syarikat Berhad Menurut Syer milikan penuh Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS) yang merupakan Badan Berkanun Negeri di bawah kuasa Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

1.2. Objektif utama penubuhan syarikat adalah menjalankan perniagaan pengedaran makanan halal, pembinaan, import minyak serta gas dan semua jenis aktiviti perniagaan yang sah. Pindaan jenis perniagaan kepada perkhidmatan pajak gadai telah dilakukan pada bulan September 2018. Aktiviti utama PBNSH pada tahun 2007 adalah perniagaan runcit dan sejuk/beku dengan dana permulaan berjumlah RM500,000. Setelah tiga (3) tahun beroperasi dan mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM400,846 maka PBNSH beralih ke perniagaan pajak gadai Ar-Rahnu pada bulan Julai 2010 setelah mendapat kelulusan dan pinjaman daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah melalui PBNS berjumlah RM4 juta. Selain itu, PBNSH juga menjadi ejen Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) bagi perkhidmatan insurans am dan ejen Bank Simpanan Nasional (PTC-BSN) yang menyediakan perkhidmatan *one stop centre* untuk pembayaran bil serta lain-lain utiliti bagi pihak BSN.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif syarikat dari aspek:

- 2.1. tadbir urus korporat adalah baik selaras dengan amalan terbaik;
- 2.2. kedudukan kewangan syarikat adalah kukuh dan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi kewangan syarikat; dan
- 2.3. pengurusan aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu, ejen Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan ejen Bank Simpanan Nasional telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif penubuhan/aktiviti syarikat dalam menyediakan kemudahan pinjaman mikro kredit kepada orang ramai khususnya kepada usahawan Islam yang memerlukan wang segera untuk pelbagai tujuan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2015 hingga bulan Oktober tahun 2018. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2015, 2016 dan 2017. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti utama perniagaan iaitu aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu yang dilaksanakan pada tahun 2015 hingga bulan Oktober tahun 2018. Berdasarkan penilaian risiko, aktiviti ini telah dipilih kerana aktiviti tersebut merupakan penyumbang utama pendapatan syarikat.

3.2. Dua (2) bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan pengurusan aktiviti adalah prestasi dan pelaksanaan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti adalah keberkesanan pelaksanaan strategi perniagaan dan pematuhan terhadap peraturan serta undang-undang yang berkaitan.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat PBNSH yang terletak di Inanam, Kota Kinabalu. PBNSH tidak mempunyai cawangan di daerah-daerah lain di Sabah.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PBNSH serta menganalisis data berkaitan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PBNSH yang telah diaudit oleh Tetuan Bal & Partners. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan; perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu juga telah dijalankan pada bulan September dan Oktober 2018 untuk menentukan sama ada aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu yang dilaksanakan adalah selaras dengan SOP/Rancangan Korporat yang ditetapkan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September dan Oktober 2018 merumuskan perkara berikut:

a. Tadbir Urus Korporat

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus PBNSH adalah kurang memuaskan. Penambahbaikan perlu dilaksanakan dalam aspek keperluan membangunkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur pencapaian dan prestasi syarikat. Selain itu, *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu yang disediakan pada 2 Januari 2018 belum dibincang dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk pengesahan dan kelulusan manakala SOP bagi prosedur kewangan dan pengurusan aset tidak disediakan.

b. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PBNSH adalah stabil kerana syarikat menjana pendapatan daripada aktiviti Pajak Gadai Ar-Rahnu dengan mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM59,819 pada tahun 2017 berbanding trend kerugian selepas cukai bagi dua (2) tahun berturut-turut (tahun 2015 dan 2016) berjumlah RM110,152 dan RM6,091 masing-masing. Tahap kecairan aset semasa adalah pada kadar 1.04:1 menunjukkan syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Selain itu, PBNSH juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM1.28 juta pada akhir tahun 2017.

c. Pengurusan Aktiviti

i. Prestasi Aktiviti/Program

Prestasi pendapatan PBNSH adalah memuaskan kerana menjana keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2017 setelah mengalami kerugian berturut-turut pada tahun 2015 dan 2016. Bagaimanapun, PBNSH menetapkan sasaran yang tinggi pada tahun 2015 dan tidak menetapkan sasaran bagi tahun 2016 dan 2017.

ii. Pelaksanaan Aktiviti/Program

- Perbelanjaan operasi pajak gadai Ar-Rahnu mencatatkan perbelanjaan tertinggi bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM1.59 juta atau 84% daripada perbelanjaan keseluruhan.
- Jumlah transaksi dan nilai gadaian marhun meningkat pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 menunjukkan aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu telah mendapat sambutan orang awam dan boleh mencapai objektif penubuhan/aktiviti syarikat dalam menyediakan kemudahan pinjaman mikro kredit kepada orang ramai khususnya kepada usahawan Islam yang memerlukan wang segera untuk pelbagai tujuan.

- Jumlah transaksi gadaian marhun bagi aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu telah menurun pada tahun 2017 disebabkan kelewatan PBNSH memperbaharui lesen pajak gadai daripada KPKT yang mengakibatkan aktiviti gadaian marhun baharu hanya dijalankan setelah lesen diterima pada bulan Julai 2018.

5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh PBNSH adalah seperti berikut:

- perbelanjaan operasi Pajak Gadai Ar-Rahnu yang tinggi bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM1.59 juta atau 84% daripada perbelanjaan keseluruhan; dan
- pendapatan komisen daripada Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) adalah kurang memuaskan kerana semakin menurun berbanding tahun sebelumnya.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT


Perkara yang ditemui dan maklum balas PBNSH telah dibincangkan dalam *Exit Conference* yang telah dijalankan pada 17 Disember 2018 dan dihadiri oleh Pengurus PBNSH, wakil PBNS, wakil MUIS, wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan wakil Kementerian Kewangan Negeri. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Tadbir Urus Korporat

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat Kerajaan di bawah PBNS yang merupakan Badan Berkanun Negeri di bawah kuasa MUIS, pengurusan PBNSH perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A), Kod Tadbir Urus Korporat untuk Badan Berkanun Negeri Sabah dan Syarikat-syarikat Subsidiari yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri pada 26 Januari 2010, Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998, SOP serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

6.1.2. Pengurusan PBNSH diketuai oleh Pengarah Urusan. Bilangan perjawatan sehingga 30 Jun 2018 adalah seramai lima (5) orang dan semua jawatan telah diisi. Struktur organisasi PBNSH pada 30 Oktober 2018 adalah seperti di **Carta 1** manakala peranan setiap kakitangan adalah seperti di **Jadual 1**.

**CARTA 1
CARTA ORGANISASI PBNSH PADA 30 OKTOBER 2018**



Sumber: Rekod PBNSH

**JADUAL 1
PERANAN KAKITANGAN**

BIL.	PELANTIKAN SEBAGAI	PERANAN	CATATAN
1.	Pengurus	Ditugaskan untuk menjalankan tugas Pengarah Eksekutif PBNSH berkuatkuasa 23 Jun 2014 sehingga Pengarah Eksekutif yang baharu dilantik.	Surat PBNS bertarikh 22 Julai 2014. Tidak ada surat pelantikan daripada PBNSH.
2.	<i>Account Officer</i> Pengurus Cawangan/ Pengurus Bahagian	Ditugaskan sebagai Pegawai Kewangan sekaligus merangkap sebagai pegawai gantikan sekiranya Pengurus bercuti atau bertugas luar termasuk bertindak sebagai Pegawai Pemasaran sekiranya dikehendaki oleh syarikat dari semasa ke semasa.	Surat tawaran pelantikan PBNSH bertarikh 29 September 2010, 1 Jun 2011 dan 31 Disember 2012.
3.	Eksekutif/ Penilai	Ditugaskan sebagai Pegawai Eksekutif E7 merangkap sebagai Penilai Emas bagi perniagaan Ar-Rahnu berkuatkuasa 2 Januari 2013.	Surat PBNS menjalankan tugas di Ar-Rahnu bertarikh 11 Ogos 2010. Surat tawaran pelantikan PBNSH bertarikh 27 Disember 2012.
4.	Kerani C1	Ditugaskan sebagai Kerani C1 merangkap sebagai Teller bagi perniagaan Ar-Rahnu berkuatkuasa 2 Januari 2013.	Surat PBNS menjalankan tugas di Ar-Rahnu bertarikh 11 Ogos 2010. Surat tawaran pelantikan PBNSH bertarikh 27 Disember 2012.
5.	Kerani Kewangan	Ditugaskan sebagai Kerani Kewangan merangkap sebagai Teller berkuatkuasa 2 Januari 2013.	Surat tawaran pelantikan PBNSH bertarikh 13 Ogos 2010.
6.	Kerani (Teller)/ Setiausaha	Pinjaman staf PBNS ke PBNSH berkuatkuasa 1 Januari 2015. Dipindahkan secara tetap ke PBNSH berkuatkuasa 7 Mei 2016.	Surat PBNS bertarikh 31 Disember 2014 dan 8 Oktober 2018. Tidak ada surat pelantikan dan senarai tugas daripada PBNSH.

Sumber: Rekod PBNSH

6.1.3. Berdasarkan Memorandum dan Artikel Penubuhan syarikat, Lembaga Pengarah perlu dianggotai sekurang-kurangnya dua (2) Lembaga Pengarah. PBNSH mempunyai seramai empat (4) orang Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan tiga (3) ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah yang dilantik adalah mewakili sektor Kerajaan dan swasta. Komposisi Lembaga Pengarah PBNSH terdiri daripada seorang Pengarah berstatus bebas manakala tiga (3) orang lagi berstatus bukan bebas yang terdiri daripada wakil PBNS, ahli bebas dan Pengarah Urusan/Pengurus PBNSH. Sejak bulan Ogos 2018, Pengerusi Lembaga Pengarah telah ditamatkan perkhidmatan manakala seorang Lembaga Pengarah telah meletakkan jawatan dan jawatan tersebut masih kosong sehingga tarikh pengauditan. PBNS telah meluluskan resolusi mengenai pelantikan dua (2) Ahli Lembaga Pengarah PBNSH bertarikh 25 September 2018. Semakan Audit mendapati surat lantikan rasmi belum dikeluarkan setakat tarikh pengauditan. Pengurus Besar PBNS yang merupakan Lembaga Pengarah PBNSH telah bersara pada 31 Disember 2018. Oleh itu, hanya seorang Lembaga Pengarah PBNSH iaitu Pengurus PBNSH menganggotai Lembaga Pengarah PBNSH.

6.1.4. Semakan Audit mendapati PBNSH tidak mengamalkan sepenuhnya lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu aspek pelantikan dan peranan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, penyediaan *Standard Operating Procedures*, Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit, pelaksanaan Audit Dalaman, Jawatankuasa Imbuan dan Jawatankuasa Pencalonan. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh PBNSH adalah seperti penemuan Audit berikut:

a. Pengerusi

- i. Kod Tadbir Urus Korporat untuk BBN Sabah Bahagian A3.2 menyatakan bahawa Lembaga hendaklah mewujudkan piagam Lembaga atau bidang tugas yang jelas mendefinisikan peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Manakala berdasarkan amalan terbaik MCCG 2017 (*guidance 1.3*) dan *Green Book* (perenggan 2.1.3), tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah dinyatakan secara jelas dalam piagam Lembaga Pengarah (*Board Charter*).
- ii. Semakan Audit mendapati pelantikan Pengerusi baharu telah dibuat melalui resolusi Lembaga Pengarah PBNS bertarikh 25 September 2018 bagi menggantikan mantan Pengerusi yang telah ditamatkan perkhidmatan pada 16 Ogos 2018. Namun sehingga tarikh pengauditan

dijalankan, PBNSH masih belum mengeluarkan surat lantikan yang mengandungi tugas dan tanggungjawab sebagai Pengerusi PBNSH dan mengakibatkan mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dapat dijalankan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan Pengerusi PBNSH menjejaskan keberkesanan perjalanan Mesyuarat Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan mengenai dasar syarikat.

b. Lembaga Pengarah

- i. Kod Tadbir Urus Korporat untuk BBN Sabah Bahagian A2.6 menyatakan bahawa Lembaga hendaklah menerima pakai kod etika bertulis dan kepatuhan kepada kod etika hendaklah dinilai dari masa ke masa. Pihak Audit mendapati tiada kod/standard yang diguna pakai oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan PBNSH bagi mewujudkan budaya korporat yang beretika.
- ii. MCCG 2017 *practice 2.1 guidance 2.1* pula menyarankan Lembaga Pengarah untuk mempunyai piagam Lembaga Pengarah yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah secara individu dan pengurusan syarikat serta isu dan keputusan yang tertakluk kepada Lembaga Pengarah. Adalah didapati Piagam Lembaga Pengarah yang menjelaskan peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah tidak disediakan.
- iii. Kod Tadbir Urus Korporat untuk BBN Sabah Bahagian A4.8 menyatakan bahawa setiap ahli yang baru dilantik hendaklah mendapat pelantikan formal dan induksi bersesuaian pada kali pertama pelantikannya dan selepas itu diberikan taklimat dan pembangunan profesional jika perlu. Kehadiran ahli dalam kursus induksi hendaklah dilaporkan dalam Laporan Tahunan. Semakan Audit mendapati PBNSH tidak menyelenggara rekod latihan Lembaga Pengarah menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan Lembaga Pengarah mengikuti program latihan seperti yang disarankan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan Piagam Lembaga Pengarah dan akses program pembelajaran menjejaskan peranan Lembaga Pengarah dalam menjalankan tugas fidusiari.

c. Pengarah Eksekutif

- i. Mengikut Bahagian A3 Kod Tadbir Urus Korporat untuk Badan Berkanun Negeri Sabah dan syarikat-syarikat subsidiari yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri pada 26 Januari 2010, tugas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) adalah untuk menjalankan operasi dan melaksanakan polisi dan strategi yang diluluskan oleh Lembaga. Manakala Bahagian A6 menetapkan pemberian ganjaran CEO hendaklah selaras dengan set kemahiran yang diperlukan bagi menarik minat dan mengekalkan CEO untuk menguruskan entiti dengan sewajarnya. Pelantikan dan syarat perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif juga hendaklah dinyatakan dengan jelas serta dipatuhi.
- ii. Mengikut Terma dan Syarat Perkhidmatan PBNSH, syarikat diketuai oleh Pengerusi Eksekutif/Pengarah Urusan (MD). Semakan Audit mendapati PBNSH tidak mempunyai Pengarah Urusan sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Melalui surat PBNS bertarikh 22 Julai 2014, Timbalan Pengurus Besar PBNS telah ditugaskan untuk menjalankan tugas Pengarah Urusan PBNSH berkuat kuasa pada 23 Jun 2014 selepas mantan Pengurus Besar PBNS yang juga merupakan Pengarah Urusan PBNSH bersara wajib dan sehingga Pengarah Urusan yang baharu dilantik. Semakan Audit mendapati surat pelantikan beliau merangkumi terma dan syarat sebagai pengurus syarikat PBNSH tidak disediakan oleh PBNSH. Perkara ini juga turut tidak dibangkitkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PBNSH.

Pada pendapat Audit, pelantikan Pengarah Urusan PBNSH tidak mengikut peraturan yang ditetapkan kerana tiada terma dan syarat bagi menyatakan tugas dan tanggungjawabnya secara jelas.

d. Setiausaha Syarikat

- i. Berdasarkan Kod Tadbir Urus Korporat Untuk Badan Berkanun Negeri Sabah (Kod Etika Bagi Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri Sabah), Setiausaha Syarikat ditugaskan untuk memudahcara proses tadbir urus entiti dan bertanggungjawab memastikan proses dan prosedur lembaga berjalan dengan efisien dan efektif. Setiausaha Syarikat mempunyai akauntabiliti kepada lembaga melalui Pengerusi, dalam semua perkara tadbir urus dan melapor terus kepada Pengerusi sebagai mewakili lembaga.

- ii. Semakan Audit mendapati Setiausaha Syarikat hanya menyediakan notis panggilan mesyuarat Lembaga Pengarah sahaja. Selain itu, Setiausaha Syarikat tidak menjalankan tugas utama seperti mengemas kini Rekod Statutori Syarikat dan memudahcara proses tadbir urus seperti mengendalikan dan menyediakan minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, Setiausaha Syarikat tidak menjalankan tanggungjawab untuk memudahcara proses tadbir urus entiti dan memastikan proses dan prosedur lembaga berjalan dengan efisien dan efektif.

e. Standard Prosedur Operasi/ *Standard Operating Procedures* (SOP)

- i. Mengikut amalan terbaik MKD *Handbook* (perenggan 1.9(c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28), syarikat hendaklah mempunyai *Standard Operating Procedures (SOP)* yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan syarikat dan aktiviti utama yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, polisi dan garis panduan perlu ditetapkan untuk dipatuhi.
- ii. Semakan Audit mendapati PBNSH masih belum menyediakan SOP berkaitan dengan pengurusan kewangan. Selain itu, Aturan Aktiviti Perniagaan Pajak Gadai Ar-Rahnu juga belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan selanjutnya mendapati Terma dan Syarat Perkhidmatan (TSP) PBNSH tidak dikemas kini. Perubahan yang telah dibuat terhadap TSP secara *Board Circular Resolution* tidak dikepilkan bersama TSP. Semakan Audit terhadap prosedur gaji (*payroll*) mendapati kadar gaji bagi pegawai lantikan PBNS tidak ada dalam buku TSP PBNSH. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kadar tersebut adalah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh PBNSH.

Pada pendapat Audit, SOP Kewangan dan Aktiviti perlu disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi meningkatkan kawalan dalaman syarikat.

f. Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama

- i. Berdasarkan amalan terbaik MCCG 2017 (Prinsipal 1, saranan 1.1), antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya. Manakala perenggan 3.2 Bahagian 1 & *Handbook* perenggan 3.33 hingga 3.35 dalam *Green Book* menyarankan peranan Lembaga Pengarah adalah memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah berkesan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat adalah melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama/*Key Performance Indicator* (KPI).
- ii. Semakan Audit mendapati kedua-dua Rancangan Korporat dan KPI tidak disediakan oleh PBNSH. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga tidak pernah membincangkan perkara tersebut.

Pada pendapat Audit, penilaian terhadap prestasi dan pencapaian syarikat tidak dapat dibuat kerana Rancangan Korporat dan KPI tidak disediakan oleh PBNSH.

g. Jawatankuasa Audit

- i. Bahagian B2 Kod Tadbir Urus Korporat Untuk Badan Berkanun Negeri Sabah, Lembaga Pengarah hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) yang formal dan telus untuk tujuan penerapan laporan kewangan dan prinsip kawalan dalaman serta mengekalkan hubungan dengan Juruaudit. Selain itu, Garis Panduan Mengenai Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada 23 September 1996 supaya matlamat Kerajaan ke arah *corporate accountability* tercapai dan semua organisasi awam diurustadbirkan dengan cekap, berkesan, bersih, produktif dan penuh amanah.
- ii. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) tidak diwujudkan sebagai struktur tadbir urus PBNSH semenjak ditubuhkan pada tahun 2006. Ini adalah disebabkan saiz Lembaga Pengarah yang kecil dan prestasi kewangan PBNSH dilaporkan terus oleh Pengurus dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PBNS. Selain itu, PBNSH masih belum mewujudkan Audit Dalaman atau melantik juruaudit/perunding luar bagi melaksanakan fungsi semak dan imbang (*check and balances*) terhadap kawalan dalaman dan risiko perniagaan seperti urusan kewangan dan aktiviti syarikat. Fungsi Audit Dalaman dan

penubuhan JAP adalah aspek yang penting dalam memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa kawalan dalaman yang ditetapkan adalah berkesan dan risiko perniagaan dapat dikurangkan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan mekanisme pemantauan dan kawalan oleh syarikat melalui pewujudan JAP dan fungsi Audit Dalaman berpotensi meningkatkan risiko berlakunya kelemahan dalam pengurusan kewangan dan operasi aktiviti syarikat.

h. Jawatankuasa Imbuan dan Pencalonan

- i. Berdasarkan amalan terbaik MCCG 2017 *practice* 6.2, Jawatankuasa Imbuan diwujudkan bagi mengkaji dan mengesyorkan perkara berkaitan imbuan Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan syarikat. Jawatankuasa Imbuan ini hendaklah dianggotai sepenuhnya oleh Pengarah Bukan Eksekutif dan majoriti adalah Pengarah Bebas. Manakala MCCG 2017 *practice* 4.7 pula menyarankan Lembaga Pengarah menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan yang bertanggungjawab dalam pemilihan dan penilaian ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai secara eksklusif daripada kalangan Pengarah Bukan Eksekutif dan majoritinya merupakan Pengarah Bebas dan dipengerusikan oleh Pengarah Bebas.
- ii. Semakan Audit mendapati PBNSH tidak mewujudkan Jawatankuasa Imbuan dan Pencalonan sejak ditubuhkan pada tahun 2006. Bagi urusan penentuan imbuan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan syarikat, ia tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Manakala bagi urusan pencalonan pengisian kekosongan Lembaga Pengarah, ia diputuskan di peringkat PBNS.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek Jawatankuasa Imbuan dan Pencalonan adalah kurang memuaskan kerana tidak ditubuhkan.

Maklum Balas PBNSH yang Diterima pada 31 Januari 2019

Mesyuarat Lembaga Pengarah PBNSH akan membincangkan pelantikan Pengerusi Eksekutif/Pengarah Urusan (MD) dengan terperinci agar semua pihak yang terlibat memahami permasalahan

yang timbul, termasuklah cadangan dan penyediaan terma dan syarat-syarat yang sesuai.

6.2. Kedudukan Kewangan

6.2.1. Penyata kewangan PBNSH bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Bal & Partners. Analisis terhadap kedudukan kewangan PBNSH bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti, serta tunai dan kesetaraan tunai seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017


BUTIRAN	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)
Pendapatan	532,743	569,492	650,217
Lain-lain Pendapatan	3,327	27,169	81
JUMLAH PENDAPATAN	536,070	596,661	650,298
Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran	643,707	600,286	590,464
Kos Kewangan	2,515	2,466	0
JUMLAH PERBELANJAAN	646,222	602,752	590,464
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	(110,152)	(6,091)	59,834
Cukai	-	-	(15)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI	(110,152)	(6,091)	59,819
(KERUGIAN) TERKUMPUL	(851,470)	(857,561)	(797,742)
JUMLAH ASET	3,680,289	3,583,780	4,005,717
JUMLAH LIABILITI	3,531,759	3,441,341	3,803,459
JUMLAH EKUITI	148,530	142,439	202,258
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	174,635	142,439	202,258
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	482,683	295,243	1,297,688

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017

6.2.2. Pendapatan utama PBNSH diperoleh daripada aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu. Selain itu, PBNSH turut menjana pendapatan dari komisen sebagai ejen insurans Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) serta terimaan sewa. Bagi tahun 2015 hingga 2017, pendapatan PBNSH menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2017, jumlah pendapatan naik sebanyak 9.0% kepada RM650,298 berbanding RM596,661 pada tahun 2016. Manakala pendapatan bagi tahun 2016 meningkat sebanyak 11.3% kepada RM596,661 berbanding sejumlah RM536,070 pada tahun 2015. Peningkatan pendapatan pada tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah disumbangkan daripada peningkatan upah simpan termasuk jualan marhun.

6.2.3. Perbelanjaan PBNSH terdiri daripada perbelanjaan operasi dan pentadbiran iaitu pembayaran emolumen kakitangan dan bayaran sewa ruang pejabat di samping lain-lain perbelanjaan. Perbelanjaan bagi pembayaran emolumen kakitangan bagi tahun 2015 hingga 2017 meliputi 58% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan operasi. Bagi tahun 2015 hingga 2017, perbelanjaan PBNSH menunjukkan trend penurunan. Bagi tahun 2017, perbelanjaan menurun sebanyak 2.0% kepada RM590,464 berbanding sejumlah RM602,752 pada tahun 2016. Manakala perbelanjaan bagi tahun 2016 juga mencatatkan penurunan sebanyak 6.7% kepada RM602,752 berbanding sejumlah RM646,222 pada tahun 2015. Penurunan perbelanjaan pada tahun 2015 hingga 2017 adalah disebabkan pengurangan perbelanjaan operasi dan pentadbiran PBNSH.

6.2.4. Trend peningkatan pendapatan dan penurunan perbelanjaan bagi tahun 2015 hingga 2017 telah memberi kesan kepada kenaikan keuntungan sebelum cukai bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut. Pada tahun 2017, keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan adalah sejumlah RM59,834 berbanding kerugian sebelum cukai yang dicatatkan pada tahun 2016 berjumlah RM6,091 iaitu peningkatan sebanyak 1,082.3%. Manakala pada tahun 2016, kerugian sebelum cukai mencatatkan penurunan sebanyak 94.5% kepada RM6,091 berbanding kerugian sebelum cukai sejumlah RM110,152 pada tahun 2015. Secara keseluruhannya, peningkatan keuntungan bersih sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut telah memberi kesan kepada penurunan kerugian terkumpul syarikat. Sehingga 31 Disember 2017, kerugian terkumpul PBNSH adalah berjumlah RM797,742. Butiran lanjut seperti **Carta 2** dan **Carta 3**.



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017

6.2.5. Analisis Audit mendapati PBNSH mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana kedudukan aset melebihi liabiliti pada nisbah purata 1.02:1 bagi tempoh tiga (3) tahun ini. PBNSH merekodkan aset syarikat berjumlah RM3.68 juta, RM3.58 juta dan RM4.01 juta masing-masing bagi tahun 2015, 2016 dan 2017. Melalui analisis nisbah kewangan, adalah didapati tahap kecairan syarikat pada tahun 2017 adalah pada kadar 1.04:1 menunjukkan syarikat masih mampu memenuhi obligasi jangka pendeknya. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah PBNSH mendapati kedudukan kewangan PBNSH dilaporkan secara ringkas dalam mesyuarat tersebut. Bagaimanapun, tidak ada sebarang keputusan dicatatkan dalam minit berkenaan.

6.2.6. Analisis Audit turut dijalankan terhadap aliran tunai PBNSH bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2017, PBNSH mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM1.30 juta dengan penambahan sejumlah RM1.0 juta (339.5%) berbanding pada RM295,243 pada tahun 2016 kesan daripada lebih aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi.

Maklum Balas PBNSH yang Diterima pada 31 Januari 2019

Tindakan untuk meningkatkan lagi prestasi keuntungan syarikat akan dilaksanakan dan memperbaiki kelemahan yang ada. Pihak syarikat akan memantau dan berusaha untuk mengurangkan liabiliti dari semasa ke semasa.

6.3. Pengurusan Aktiviti

6.3.1. Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama PBNSH adalah menjalankan perniagaan pajak gadai Ar-Rahnu. Ar-Rahnu merujuk kepada transaksi mencagarkan barang sebagai sandaran kepada pinjaman yang diterima. Ar-Rahnu merupakan satu perniagaan yang menjamin pulangan yang konsisten dan selamat kerana bersandarkan cagaran emas. Ketika memulakan perniagaan pajak gadai Ar-Rahnu, PBNSH menjadi francais kepada Permodalan Kelantan Berhad (PKB) dan surat perjanjian telah ditandatangani pada 27 Mei 2010 untuk tempoh lima (5) tahun iaitu sehingga 26 Mei 2015. Kadar royalti yang dikenakan adalah 5% daripada jumlah upah simpan yang diterima.

6.3.2. Selaras dengan Seksyen 17, Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Perlesenan) 2004 [Sub Peraturan 22(1)] (Peraturan) yang menghendaki kadar keuntungan tidak melebihi 2% sebulan, Pihak PBNSH mengenakan caj upah antara 1.2% hingga 1.9% sebulan terhadap penyimpanan barang gadaian (marhun) seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
KADAR CAJ UPAH TERHADAP PENYIMPANAN MARHUN

NILAI MARHUN (RM)	KADAR UPAH (%)
0 – 400.99	1.2
401 – 2,000.99	1.7
2,001 dan ke atas	1.9

Sumber: Rekod PBNSH

6.3.3. Prestasi Aktiviti

a. Pencapaian Output

- i. PBNSH menyediakan sasaran bagi tahun 2015 sahaja. Bagi tahun 2015, PBNSH menyasarkan pendapatan sejumlah RM982,700 manakala keuntungan sebelum cukai disasarkan berjumlah RM272,532. Memandangkan PBNSH tidak menyediakan anggaran bajet bagi tahun 2016 dan 2017 maka pengukuran prestasi pencapaian output bagi kedua-dua tahun tersebut adalah melalui pencapaian semasa berbanding pencapaian tahun sebelumnya.
- ii. Semakan Audit mendapati pendapatan yang diperolehi pada tahun 2015 kurang dari sasaran yang ditetapkan dengan perbezaan berjumlah RM446,629 atau 45.4%. Antara penyebabnya adalah PBNSH menetapkan sasaran yang tinggi bagi upah simpan, komisen takaful STMB dan terimaan sewa yang melebihi 35% hingga 100% dari pencapaian sebenar tahun sebelumnya. Manakala pendapatan tahun 2016 dan 2017 menunjukkan peningkatan berjumlah RM60,590 atau 11.3% dan RM53,637 atau 9.0% dari tahun sebelumnya. Prestasi pendapatan tahunan PBNSH juga menunjukkan peningkatan kerana berjaya mengurangkan kerugian sebelum cukai yang berjumlah RM110,152 pada tahun 2015 kepada RM6,090 pada tahun 2016 dan menjana keuntungan sebelum cukai berjumlah RM59,820 pada tahun 2017. Butiran lanjut seperti **Jadual 4**.


JADUAL 4
PENCAPAIAN PENDAPATAN BERBANDING SASARAN
DAN TAHUN SEBELUMNYA BAGI TAHUN 2015 SEHINGGA 2017

BUTIRAN	2015			2016		2017		JUMLAH	%
	SASARAN (RM)	SEBENAR (RM)	BEZA (RM)	SEBENAR (RM)	BEZA (2015) (RM)	SEBENAR (RM)	BEZA (2016) (RM)	SEBENAR (RM)	
PENDAPATAN:									
Upah Simpan (Termasuk Jualan Marhun)	874,700	511,553	(363,147)	540,571	29,018	627,726	87,155	1,679,850	94.2
Komisen Takaful STMB	50,000	6,325	(43,675)	1,615	(4,710)	1,876	261	9,816	0.6
Komisen BSN	4,800	2,876	(1,924)	3,306	430	2,615	(691)	8,797	0.5
Sewaan (Kenderaan & Bilik Seminar)	38,000	11,990	(26,010)	24,000	12,010	18,000	(6,000)	53,990	3.0
Lain-Lain	15,200	3,327	(11,873)	27,169	23,842	81	(27,088)	30,577	1.7
JUMLAH PENDAPATAN	982,700	536,071	(446,629)	596,661	60,590	650,298	53,637	1,783,030	100
PERBELANJAAN:									
Perubatan Kakitangan	8,000	6,544	1,456	3,972	2,572	4,395	(423)	14,911	0.8
Operasi Pajak Gadai Ar-Rahnu	366,804	521,592	(154,788)	513,598	7,994	509,400	4,198	1,544,590	84.0
Pentadbiran	335,364	118,087	217,277	85,181	32,906	76,683	8,498	279,951	15.2
JUMLAH PERBELANJAAN	710,168	646,223	63,945	602,751	43,472	590,478	12,273	1,839,452	100
KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	272,532	(110,152)	(382,684)	(6,090)	104,062	59,820	65,910	(56,422)	

Sumber: Rekod PBNSH

- iii. Semakan lanjut mendapati perbelanjaan operasi pajak gadai Ar-Rahnu mencatatkan perbelanjaan tertinggi bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM1.54 juta atau 84% daripada perbelanjaan keseluruhan. Analisis Audit terhadap perbelanjaan operasi pajak gadai Ar-Rahnu mendapati perbelanjaan emolumen melebihi separuh daripada perbelanjaan tersebut iaitu RM898,094 atau 58.1%. Ini diikuti dengan perbelanjaan sewa pejabat berjumlah RM165,316 atau 10.7% dan perbelanjaan KWSP berjumlah RM113,876 atau 7.4%. Selain itu, melalui Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PBNS Bil.4/2017 bertarikh 12 Oktober 2017, Pengurus PBNSH telah memaklumkan kos operasi yang tinggi dan antara langkah yang akan diambil adalah mengurangkan kakitangan, mengecilkan saiz pejabat dan penjualan aset. Ahli Mesyuarat PBNS mengarahkan isu yang dibangkitkan dibincang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PBNSH yang akan datang. Berdasarkan Minit Mesyuarat Khas PBNSH bertarikh 23 Mei 2018, inisiatif menurunkan kos operasi telah dijalankan iaitu dengan menyewa tingkat bawah dan mengembalikan tingkat 1 kepada pemilik bangunan serta menjual mana-mana aset yang tidak diperlukan. Bagaimanapun, isu pengurangan kakitangan ditangguhkan. Butiran terperinci seperti **Carta 4**.

CARTA 4
PECAHAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017



Sumber: Rekod PBNSH

Pada pendapat Audit, pencapaian output dari aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu adalah tidak cekap kerana perbelanjaan operasi yang terlalu tinggi berbanding pendapatan.

b. Pencapaian *Outcome*

- i. Jumlah transaksi dan nilai gadaian marhun meningkat pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Peningkatan ini menunjukkan wujud potensi untuk mencapai objektif penubuhan/aktiviti syarikat dalam menyediakan kemudahan pinjaman mikro kredit kepada orang ramai, khususnya kepada usahawan Islam yang memerlukan wang segera untuk pelbagai tujuan.
- ii. Jumlah transaksi gadaian marhun bagi aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu telah menurun pada tahun 2017 disebabkan kelewatan PBNSH memperbaharui lesen pajak gadai daripada KPKT. Ini disebabkan oleh kelewatan keputusan Lembaga Pengarah PBNSH mengenai cadangan pihak pengurusan untuk menukarkan lesen daripada KPKT kepada lesen Koperasi. Kelewatan ini mengakibatkan aktiviti gadaian marhun baharu hanya dijalankan setelah lesen diterima pada bulan Julai 2018.

6.3.4. Pelaksanaan Aktiviti

a. Aktiviti Pajak Gadai Ar-Rahnu

- i. PBNSH menyasarkan pendapatan berjumlah RM874,700 bagi aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu pada tahun 2015. Semakan Audit mendapati, pada

tahun 2016, PBNSH mengalami defisit tunai berjumlah RM52,929 berbanding hasil tunai berjumlah RM470,415 pada tahun 2015. Ini disebabkan bayaran pendahuluan gadaian marhun yang berjumlah RM8.82 juta melebihi terimaan penebusan gadaian marhun yang berjumlah RM8.22 juta pada tahun 2016. Bagaimanapun, pada tahun 2017, aktiviti pajak gadaian Ar-Rahnu mencatatkan peningkatan hasil tunai yang memberangsangkan berjumlah RM1.39 juta manakala setakat bulan September 2018, tunai diterima daripada aktiviti ini berjumlah RM1.14 juta. Butirannya adalah seperti **Jadual 5** dan **Jadual 6**.

**JADUAL 5
PRESTASI AKTIVITI PAJAK GADAI AR-RAHNU BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018**

BUTIRAN	2015		2016		Beza (2015)		2017		Beza (2016)		2018	
	Bil. Transaksi	Amaun (RM Juta)	Bil. Transaksi	Amaun (RM Juta)	Bil. Transaksi/%	Amaun (RM Juta)	Bil. Transaksi	Amaun (RM Juta)	Bil. Transaksi/%	Amaun (RM Juta)	Bil. Transaksi	Amaun (RM Juta)
Gadaian Marhun	5,172	(6.86)	6,376	(8.82)	1,204/ 23.3%	(1.96)	5,611	(8.41)	(765)/ (12.0%)	0.41	2,692	(3.80)
Penebusan Marhun	5,218	6.82	5,999	8.22	781/ 15.0%	1.40	6,247	9.17	248/ 4.1%	0.95	3,054	4.51
Upah Simpan	-	0.51	-	0.54	-	0.03	-	0.63	-	0.09	-	0.40
JUMLAH		0.47	JUMLAH	(0.06)	JUMLAH	(0.53)	JUMLAH	1.39	JUMLAH	1.45	JUMLAH	1.11

Sumber: Rekod PBNSH

**JADUAL 6
RINGKASAN PRESTASI AKTIVITI PAJAK GADAI AR RAHNU
BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018 (SETAKAT BULAN SEPTEMBER)**


BUTIRAN	JUMLAH KESELURUHAN		%
	BILANGAN TRANSAKSI	AMAUN (RM Juta)	
Gadaian Marhun	19,851	(27.89)	47.5
Penebusan Marhun	20,518	28.72	49.0
Upah Simpan	-	2.08	3.5
JUMLAH		2.91	100

Sumber: Rekod PBNSH

- ii. Bilangan transaksi gadaian marhun yang tertinggi dicatatkan pada tahun 2016 dengan nilai gadaian berjumlah RM8.82 juta manakala bilangan transaksi paling rendah dicatatkan pada tahun 2015 berjumlah 5,172 dengan nilai gadaian berjumlah RM6.86 juta. Jumlah upah simpan marhun bagi tahun 2016 meningkat sedikit berbanding upah simpan tahun 2015 di mana upah simpan yang dikutip adalah RM510,000 dan RM540,000 bagi tahun 2015 dan 2016. Upah simpan tersebut terus meningkat pada tahun 2017 berjumlah RM630,000.

- iii. Analisis Audit mendapati peningkatan jumlah gadaian marhun pada tahun 2016 berjumlah RM1.96 juta dengan peningkatan bilangan transaksi sebanyak 1,204 atau 23.3% berbanding tahun 2015. Bagaimanapun, jumlah gadaian marhun pada tahun 2017 menurun sejumlah RM0.41 juta dengan penurunan bilangan transaksi sebanyak 765 atau 12.0% berbanding tahun 2016. Faktor yang menyumbang kepada penurunan gadaian marhun pada tahun 2017 adalah disebabkan kelewatan PBNSH memperbaharui lesen pajak gadai daripada KPKT yang mengakibatkan aktiviti menerima gadaian marhun yang baharu hanya dijalankan setelah lesen pajak gadai diterima pada bulan Julai 2018. Jumlah gadaian semakin menurun kepada sejumlah RM3.80 juta pada tahun 2018 berbanding RM8.41 juta pada tahun 2017.
- iv. Pada keseluruhannya, bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, PBNSH mencatatkan hasil tunai daripada aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu berjumlah RM2.91 juta seperti di **Jadual 6**. Pecahan aktiviti adalah seperti **Carta 5**.

**CARTA 5
AKTIVITI PAJAK GADAI AR-RAHNU
BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**



Sumber: Rekod PBNSH

Maklum Balas PBNSH yang Diterima pada 31 Januari 2019

Pihak PBNSH akan memastikan kelewatan pembaharuan lesen pajak gadai tidak lagi berlaku dan tindakan akan diambil untuk sentiasa memantau aktiviti pajak gadai Ar Rahnu bertepatan dengan Akta Pajak Gadai.

Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti Pajak Gadai Ar-Rahnu adalah kurang cekap dan berkesan kerana kelewatan pembaharuan lesen KPKT telah menjejaskan prestasi aktiviti pajak gadai Ar-Rahnu.

b. Prestasi Pendapatan Komisen Sebagai Agen Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional

- i. PBNSH menyasarkan pendapatan komisen sebagai ejen Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan ejen Bank Simpanan Nasional yang berjumlah RM50,000 dan RM4,800 pada tahun 2015 masing-masing. Analisis Audit terhadap pendapatan komisen sebagai Agen Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi tahun 2015 hingga 2018 mendapati hasil komisen daripada aktiviti terbabit kurang memberangsangkan iaitu berjumlah RM22,648 bagi tempoh empat (4) tahun tersebut dengan kadar purata pendapatan RM5,662 setahun disebabkan kurangnya usaha pemasaran yang agresif bagi mempromosikan perkhidmatan berkenaan. Analisis lanjut mendapati pendapatan komisen sebagai agen BSN bagi tempoh empat (4) tahun iaitu tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018 masing-masing berjumlah RM2,877, RM3,306 dan RM2,641 dan RM3,071. Bagaimanapun, pendapatan komisen sebagai agen STMB menunjukkan penurunan setiap tahun iaitu RM6,324 pada tahun 2015 kepada RM1,617, RM1,877 dan RM935 pada tahun 2016, 2017 dan 2018 masing-masing. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 7** dan **Jadual 8**.

**JADUAL 7
PENDAPATAN KOMISEN DARIPADA STMB DAN BSN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018**

BULAN	PENDAPATAN KOMISEN											
	2015			2016			2017			2018		
	STMB (RM)	BSN (RM)	JUMLAH (RM)	STMB (RM)	BSN (RM)	JUMLAH (RM)	STMB (RM)	BSN (RM)	JUMLAH (RM)	STMB (RM)	BSN (RM)	JUMLAH (RM)
Januari	334	229	563	-	592	592	97	286	383	73	234	307
Februari	809	231	1040	84	302	386	48	273	321	89	260	349
Mac	326	209	535	191	329	520	71	169	240	48	239	287
April	131	247	378	25	364	389	-	318	318	210	333	543
Mei	126	180	306	110	361	471	697	187	884	200	280	480
Jun	1,348	253	1600	45	12	57	66	85	151	10	234	244
Julai	71	300	371	235	115	350	10	235	245	0	258	258
Ogos	35	297	332	143	214	357	421	260	681	5	290	295
September	178	280	458	173	245	418	86	199	285	40	299	339
Oktober	2,085	343	2428	226	261	487	262	214	476	199	137	336
November	-	308	308	182	255	437	99	200	299	20	256	276
Disember	881	-	881	203	256	459	20	215	235	41	251	292
JUMLAH	6,324	2,877	9,201	1,617	3,306	4,923	1,877	2,641	4,518	935	3,071	4,006

Sumber: Rekod PBNSH

JADUAL 8
RINGKASAN PRESTASI PENDAPATAN KOMISEN
DARIPADA STMB DAN BSN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018

KOMISEN	2015	2016	2017	2018	Jumlah	%
	AMAUN (RM)					
STMB	6,324	1,617	1,877	935	10,753	47.5
BSN	2,877	3,306	2,641	3,071	11,895	52.5
JUMLAH	9,201	4,923	4,518	4,006	22,648	100

Sumber: Rekod PBNSH

- ii. Tanggungjawab melaksanakan aktiviti penjualan insurans dilaksanakan oleh seorang Eksekutif Khidmat Pelanggan yang menerima emolumen bulanan berjumlah RM4,405.00. Selain itu, staf berkenaan juga menggantikan staf yang bercuti sebagai *Teller*. Staf berkenaan pada mulanya dipinjamkan daripada PBNS mulai 14 Januari 2011 dan bayaran gaji diterima daripada PBNS sehingga bulan Januari 2015. Mulai bulan Februari 2015, gaji staf berkenaan dibayar oleh PBNSH dan staf berkenaan dipindahkan secara tetap ke PBNSH berkuat kuasa pada 7 Mei 2016. Semakan Audit mendapati PBNSH tidak ada mengeluarkan surat lantikan yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan serta emolumen secara rasmi kepada staf tersebut. Selain itu, staf tersebut juga tidak mempunyai deskripsi tugas secara bertulis dan berdasarkan pengesahan daripada pihak PBNSH, tugas yang dilaksanakan oleh staf berkenaan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut:
- wakil ejen Takaful Am Syarikat Takaful Malaysia Berhad (menyediakan pembaharuan insurans kenderaan dan insurans am (bangunan) kepada pelanggan);
 - melaksanakan tugas pentadbiran seperti menyediakan surat menyurat atas arahan pihak pengurusan syarikat, menyediakan minit mesyuarat staf dan menyediakan laporan atas arahan pihak pengurusan syarikat; dan
 - sebagai kakitangan gantian di bahagian *teller* Ar Rahn dan ejen BSN sekiranya staf yang ditetapkan bercuti.
- iii. Pengesahan tugas sebenar pegawai bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 menyatakan 60 peratus daripada masa kerja pegawai adalah untuk menjalankan aktiviti penjualan insurans. Analisis Audit mendapati jumlah emolumen kepada staf tersebut jauh melebihi pendapatan komisen insurans yang diterima seperti di **Jadual 9**.

**JADUAL 9
PERBANDINGAN EMOLUMEN DAN PENDAPATAN
KOMISEN INSURANS BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018**

BULAN	2015			2016			2017			2018		
	KOMISEN STMB (RM)	EMOLUMEN (RM)	BEZA (RM)	KOMISEN STMB (RM)	EMOLUMEN (RM)	BEZA (RM)	KOMISEN STMB (RM)	EMOLUMEN (RM)	BEZA (RM)	KOMISEN STMB (RM)	EMOLUMEN (RM)	BEZA (RM)
Januari	334	*	334	-	4,405	(4,405)	97	4,405	(4,308)	73	4,405	(4,332)
Februari	809	4,214	(3,405)	84	4,405	(4,321)	48	4,405	(4,357)	89	4,405	(4,316)
Mac	326	4,214	(3,888)	191	4,405	(4,214)	71	4,405	(4,334)	48	4,405	(4,357)
April	131	4,214	(4,083)	25	4,405	(4,380)	-	4,405	(4,405)	210	4,405	(4,195)
Mei	126	4,214	(4,088)	110	4,405	(4,295)	697	4,405	(3,708)	200	4,405	(4,205)
Jun	1,348	4,214	(2,866)	45	4,405	(4,360)	66	4,405	(4,339)	10	4,405	(4,395)
Julai	71	4,405	(4,334)	235	4,405	(4,170)	10	4,405	(4,395)	-	4,405	(4,405)
Ogos	35	4,405	(4,370)	143	4,405	(4,262)	421	4,405	(3,984)	5	4,405	(4,400)
September	178	4,405	(4,227)	173	4,405	(4,232)	86	4,405	(3,984)	40	4,405	(4,365)
Oktober	2,085	4,405	(2,320)	226	4,405	(4,179)	262	4,405	(4,143)	199	4,405	(4,206)
November	-	4,405	(4,405)	182	4,405	(4,223)	99	4,405	(4,306)	20	4,405	(4,385)
Disember	881	4,405	3,524)	203	4,405	(4,202)	20	4,405	(4,385)	41	4,405	(4,364)
JUMLAH	6,324	47,307	(40,983)	1,617	52,858	(51,241)	1,877	52,858	(50,981)	935	52,858	51,923

Sumber: Rekod PBNSH

Nota: (*) Dibayar oleh PBNS

Pada pendapat Audit, pendapatan komisen daripada STMB dan BSN tidak mampu untuk menampung kos emolumen pegawai yang ditugaskan untuk menjalankan aktiviti tersebut dan secara relatifnya tidak menguntungkan syarikat.

6.3.5. Pematuhan Kepada Akta 81, Akta Pemegang Pajak Gadai dan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004

a. Penggadaian Melebihi Had

- i. Seksyen 3. (1), Bahagian 1, Akta 81, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, menyatakan pemegang pajak gadai menerima atau mengambil barang sebagai cagaran tidak lebih daripada RM10,000, yang didahulukan atas cagaran itu; atau membeli atau menerima atau mengambil barangan dan membayar atau mendahulukan atau meminjamkan jumlah wang, tidak lebih daripada RM10,000, di bawah sesuatu perjanjian atau persefahaman yang dinyatakan dan jenis urusan itu dapat disimpulkan dengan munasabah bahawa barangan itu boleh kemudiannya ditebus atau dibeli kembali mengikut apa-apa syarat, hendaklah disifatkan sebagai seorang yang menjalankan perniagaan mengambil barangan sebagai pajak gadai dan tiap-tiap transaksi, barang, bayaran, pendahuluan dan pinjaman itu masing-masing hendaklah disifatkan

sebagai pemajakgadaian, sandaran atau pinjaman dalam erti Akta ini. Manakala Seksyen 11 menyatakan pelanggaran peruntukan atau peraturan Akta ini boleh dikenakan tindakan pembatalan atau penggantungan lesen.

- ii. Semakan Audit terhadap 993 stok barang gadaian marhun bulan Oktober 2018 mendapati dua (2) penggadaai telah diberi pinjaman melebihi RM10,000 seperti butiran di **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENGGADAIAN MELEBIHI RM10,000

BIL.	NO. RUJUKAN	TARIKH GADAI	NILAI MARHUN	AMAUN PINJAMAN (RM)	AMAUN MELEBIHI HAD (RM)
1.	180924-0007	24.09.2018	21,426.36	10,600	600
2.	181004-0016	04.10.2018	16,659.92	12,000	2,000

Sumber: Laporan Stok Bertarikh 24 Oktober 2018

b. Buku Pemegang Pajak Gadai Tidak Diselenggara

- i. Mengikut seksyen 14. (1), Bahagian III, Pemajakgadaian dan Penebusan, Akta 81, Akta Pajak Gadai 1972, menyatakan tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mencatatkan dalam suatu buku butiran mengenai transaksi seperti berikut:
 - nombor siri;
 - tarikh pemajakgadaian;
 - perihal yang terperinci bagi setiap gadaian seperti berat dan panjang;
 - anggaran nilai sandaran;
 - jumlah pinjaman yang dibuat atasnya;
 - keuntungan yang dikenakan;
 - tarikh akhir untuk sandaran itu boleh ditebus;
 - nama, umur, jantina, kerakyatan, nombor kad pendaftaran negara, nombor pasport (bagi orang asing) dan alamat pemajak gadai;
 - tarikh sandaran ditebus; dan
 - butir-butir insurans di bawah peraturan 23.

- ii. Semakan Audit mendapati Buku Pemegang Pajak Gadai tidak diselenggara. Transaksi gadaian marhun, penebusan marhun dan lanjutan masa penebusan marhun dibuat melalui sistem dan disimpan dalam 'thumb drive' untuk *back up*. Selain itu, butiran dalam sistem tidak mengandungi semua butiran yang dinyatakan dalam perenggan 11. (1), Peraturan.

Maklum Balas PBNSH yang Diterima pada 3 April 2019

Pihak PBNSH telah mengambil tindakan menyelenggara Buku Pemegang Pajak Gadai dan salinan dikemukakan kepada pihak Audit.

c. Surat Pajak Gadai Hilang Tanpa Perakuan Majistret

- i. Seksyen 21, Akta Pajak Gadai 1972 menyatakan mana-mana orang yang mengaku sebagai berhak untuk memegang apa-apa surat pajak gadai yang dikeluarkan oleh mana-mana pemegang pajak gadai dan yang mengatakan bahawa surat pajak gadai itu telah hilang, binasa atau didapati daripadanya dengan fraud, boleh memohon daripada pemegang pajak gadai itu suatu salinan dalam catatan dalam bukunya mengenai sandaran itu dan pemegang pajak gadai itu hendaklah memberikan salinan itu dengan percuma dengan syarat bahawa apabila mana-mana orang membuat permohonan itu, adalah sah bagi seseorang Majistret memberikan apa-apa perintah kepada pemegang pajak gadai itu mengenai penyerahan sandaran itu atau mengenai pengeluaran suatu surat pajak gadai baharu bagi sandaran itu, mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majistret itu dan pemegang pajak gadai hendaklah menjalankan perintah itu. Manakala Seksyen 11 menyatakan pelanggaran peruntukan atau peraturan Akta ini boleh dikenakan tindakan pembatalan atau penggantungan lesen.
- ii. Semakan Audit semasa *walk through* sistem pada 17 Oktober 2018 yang melibatkan 11 transaksi penebusan gadaian marhun, mendapati seorang penggadai yang telah kehilangan surat pajak gadai telah dibolehkan menebus gadaian marhunnya yang berjumlah RM96.70 dengan hanya menggunakan kad pengenalan tanpa surat perakuan daripada Majistret mengenai kehilangan surat asal pajak gadai tersebut.

d. Gadaian Melebihi Tempoh yang Dibenarkan Belum Dilelong dan Lebih Gadaian yang Dilelong Belum Dilupuskan

- i. Seksyen 23. (1)(b), Akta Pajak Gadai 1972 menyatakan jika mana-mana sandaran tidak ditebus sebelum tamat enam (6) bulan dari tarikh pemajakgadaian atau sesuatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin telah disetujui antara seseorang pemegang pajak gadai dengan pemajak gadai atau sebagaimana yang dikehendaki mengikut Seksyen 19, maka sandaran itu jika dipajakgadaikan untuk sejumlah wang yang lebih daripada RM200, apabila dilupuskan oleh pemegang pajak gadai itu, hendaklah dilupuskan dengan jualan lelong yang dijalankan oleh pelelong berlesen. Selain itu, Seksyen 25. (1) dan (2) menyatakan pemegang pajak gadai hendaklah membayar wang lebihan kepada pemajak gadai jika tuntutan dibuat oleh pemajak gadai dalam tempoh empat (4) bulan. Manakala seksyen 26 pula menyatakan jika tiada apa-apa tuntutan bagi lebihan dibuat dalam tempoh empat (4) bulan mengikut Subseksyen 25. (2), pemegang pajak gadai hendaklah membayar lebihan itu kepada Akauntan Negara dalam tempoh empat belas hari selepas habis tempoh empat (4) bulan itu. Manakala Seksyen 13, Peraturan pula menghendaki pemegang pajak gadai menyelenggara suatu buku mencatatkan semua sandaran yang tidak ditebus di bawah Seksyen 23, Akta Pajak Gadai 1972.
- ii. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2015, 2016 dan 2017, PBNSH telah menjalankan lelongan marhun masing-masing berjumlah RM613,409, RM278,086 dan RM283,228. Setakat bulan Jun 2018, sejumlah RM4,204 lebihan lelongan marhun yang tidak dituntut masih belum dihantar ke Jabatan Akauntan Negara. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
LEBIHAN LELONGAN TAHUN 2018 TIDAK DITUNTUT
DAN BELUM DIKEMUKAKAN KE JABATAN AKAUNTAN NEGARA

BIL.	BULAN	LEBIHAN LELONGAN MARHUN (RM)
1.	Januari	592
2.	Mac	328
3.	April	567
4.	Mei	2,174
5.	Jun	543
JUMLAH		4,204

Sumber: Rekod PBNSH

Maklum Balas PBNSH yang Diterima pada 31 Januari 2019

Pihak PBNSH akan mengambil tindakan untuk memantau semula dan memastikan tidak lagi berlaku transaksi penggadaian melebihi had. Selain itu, PBNSH juga telah mengambil tindakan ke atas penyelenggaraan Buku Pemegang Pajak Gadai, Surat Pajak Gadai dan gadaian melebihi tempoh yang dibenarkan di mana perkara tersebut masih dalam proses pemantauan.

Maklum Balas PBNSH yang Diterima pada 3 April 2019

Lebih lelongan tahun 2018 yang tidak dituntut masih dalam proses untuk dikemukakan ke Jabatan Akauntan Negara.

Pada pendapat Audit, pematuhan PBNSH terhadap Akta 81, Akta Pemegang Pajak Gadai dan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004 perlu ditingkatkan lagi supaya pengurusan pajak gadai lebih teratur dan selaras dengan kehendak peraturan yang berkuat kuasa.

6.3.6. Infrastruktur Keselamatan Premis Pajak Gadai Ar-Rahnu dan Pemeriksaan Terhadap Marhun di Bilik Kebal

- a. KPKT menetapkan syarat-syarat penyediaan premis perniagaan pajak gadai seperti berikut:
 - premis perniagaan tidak dibenarkan dibuka di lot kedai kayu;
 - barang pajakan perlu disimpan dalam peti besi yang ditempatkan dalam bilik kebal dan pintu terkunci automatik selepas waktu niaga;
 - mempunyai alat penggera keselamatan yang berkualiti dan sentiasa berfungsi;
 - mempunyai sistem litar televisyen tertutup (CCTV) yang berkualiti dan sentiasa berfungsi; dan
 - tinggi kaunter yang dibina hendaklah tidak melebihi empat (4) kaki bagi membolehkan pemajak melihat proses menimbang barang gadaian.
- b. Semakan Audit mendapati PBNSH menyewa premis perniagaan di lot kedai batu, membina bilik kebal bagi memastikan keselamatan marhun, memasang

CCTV dan alat penggera, kaunter kurang daripada empat (4) kaki dan melantik pengawal keselamatan. Selain itu, PBNSH telah mengambil polisi insurans daripada Takaful Ikhlas Berhad untuk *Jewellers's Block All Risk Of Physical Loss or Damage in Vault* Takaful (Ar-Rahnu) dengan jumlah dilindungi sejumlah RM3.24 juta (setakat 8 Januari 2018) termasuk wang tunai dengan tempoh sah takaful bermula 1 Februari 2018 hingga 31 Januari 2019.

- c. Pemeriksaan terhadap marhun dan tunai yang disimpan di bilik kebal pada 22 Oktober 2018 mendapati nilai marhun yang disimpan adalah tidak melebihi nilai perlindungan polisi insurans iaitu berjumlah RM2.13 juta. Pemeriksaan Audit juga mendapati penyimpanan marhun adalah selamat dan teratur dan tidak ada sebarang insiden buruk atau negatif berlaku semasa dalam tempoh pengauditan.

Pada pendapat Audit, infrastruktur keselamatan premis dan kawalan terhadap penyimpanan marhun adalah memuaskan, selamat dan teratur.

6.3.7. Pengiklanan dan Pemasaran

- a. Pemasaran produk dan perkhidmatan adalah penting bagi semua jenis perniagaan. Pemasaran bererti memperkenalkan sesuatu perkhidmatan kepada pelanggan baru dan menarik pelanggan sedia ada. Tanpa sistem pemasaran yang sistematik, produk yang baik tidak dapat dipasarkan dengan meluas dan merugikan pihak yang menghasilkan perkhidmatan tersebut. Kaedah pemasaran yang biasa dibuat adalah seperti pengiklanan melalui media massa iaitu akhbar, majalah, televisyen mahupun melalui laman web yang dibangunkan oleh pembangun sistem.
- b. Semakan Audit mendapati PBNSH tidak membuat pengiklanan atau pemasaran melalui kaedah biasa terhadap aktiviti yang dijalankan kerana tidak ada bajet untuk promosi. Selain itu, perkara ini tidak dijadikan agenda dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. PBNSH juga tidak menggunakan kaedah media sosial yang lebih mudah dengan kos yang lebih rendah untuk memasarkan perkhidmatan mereka antaranya melalui laman web, *facebook*, *Instagram* dan *twitter*.
- c. Pihak Audit telah mengedarkan 50 Borang Soal Selidik berkaitan perkhidmatan Ar-Rahnu. 25 daripada Borang Soal Selidik telah dikembalikan.

Didapati kesemuanya merupakan pelanggan sedia ada dan mengetahui kewujudan Pajak Gadai Ar-Rahnu daripada rakan/keluarga.

Pada pendapat Audit, PBNSH berupaya meningkatkan pendapatan dengan lebih efektif dengan menjalankan promosi untuk memasarkan perkhidmatan mereka.

6.3.8. Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan

- a. PBNS telah membuat pinjaman daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM4 juta dan kemudiannya disalurkan ke PBNSH sebagai pinjaman untuk membiayai aktiviti Pajak Gadai Ar-Rahnu. Pembayaran pinjaman bermula tahun 2013 dan tamat tahun 2022 dengan amaun bayaran bulanan sejumlah RM350,000.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, PBNSH telah membayar pinjaman kepada PBNS berjumlah RM160,000 dan belum membuat sebarang pembayaran setakat bulan Oktober 2018. Baki pinjaman setakat 31 Oktober 2018 berjumlah RM3.76 juta. Ketidakupayaan membayar pinjaman adalah disebabkan PBNSH masih berada dalam kedudukan kerugian terkumpul dan prestasi kewangan kurang memberangsangkan akibat perbelanjaan yang tinggi.

Pada pendapat Audit, PBNSH perlu mengambil kira faktor *value for money* bagi setiap pertambahan perbelanjaan seperti emolument agar dapat dipadankan dengan potensi pulangan pendapatan bagi mengelakkan kerugian berterusan dan mampu untuk membayar pinjaman kepada agensi induk yang terpaksa menanggung pembayaran disebabkan pinjaman daripada Kerajaan Negeri dibuat atas nama PBNS.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT


Berasaskan pengauditan yang dilaksanakan, dapatlah dirumuskan bahawa amalan tadbir urus PBNSH adalah kurang memuaskan. Ini kerana syarikat tidak menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi prosedur kewangan serta pengurusan aset tidak disediakan. Kedudukan kewangan PBNSH adalah stabil kerana syarikat menjana pendapatan daripada aktiviti Pajak Gadai Ar-Rahnu dengan mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM59,819 pada tahun 2017 berbanding trend kerugian selepas cukai bagi dua (2) tahun berturut-turut (tahun 2015

dan 2016) berjumlah RM110,152 dan RM6,091 masing-masing. Pengurusan aktiviti adalah kurang cekap kerana perbelanjaan operasi yang tinggi menyebabkan kerugian pada tahun 2015 dan 2016.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan PBNSH dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan PBNSH mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:

- 8.1. menetapkan hala tuju yang jelas bagi aktiviti syarikat dan memperkasakan organisasi bagi memulihkan kedudukan kewangan syarikat atau syarikat dicadangkan untuk ditutup bagi mengelakkan kerugian terkumpul yang berterusan;
- 8.2. memastikan penggadai membayar upah simpan dan menebus marhun pada masa yang ditetapkan dan marhun yang tidak ditebus setelah tamat tempoh dibuat pelelongan segera untuk mengelak aliran tunai yang terhad; dan
- 8.3. melaksanakan amalan tadbir urus yang baik dan pengurusan kewangan yang cekap serta menetapkan KPI dan melaksanakan pengukuran *outcome* secara tahunan yang jelas supaya objektif untuk menjadikan Pajak Gadai Ar-Rahnu sebagai pusat perkhidmatan gadaian Islam yang adil, telus, mudah dan cepat dapat dicapai.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI SABAH

1 PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

1. PENDAHULUAN

1.1. Pengurusan kewangan adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Seksyen 5 dan Seksyen 6 Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama diberikan markah bagi tujuan penarafan. Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang **Cemerlang** boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

1.4. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

- a. Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan.
- b. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
SKALA TAHAP RISIKO

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.5. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berasaskan Risiko dijalankan terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah seperti berikut:

- a. sebanyak tiga (3) Kementerian dan 16 Jabatan Negeri Sabah diaudit setiap tahun; dan
- b. sebanyak (6) Badan Berkanun Negeri dan empat (4) Pihak Berkuasa Tempatan diaudit secara pusingan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;

2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Bagi Kementerian/Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2018 melibatkan tiga (3) Kementerian dan 16 Jabatan Negeri Sabah.

3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di 10 Agensi Negeri dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2018 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko dan *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)*.

4.2. Semakan rekod dan dokumen kewangan serta pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperolehi untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Prestasi Keseluruhan

5.1.1. Bagi tahun 2018, pengauditan telah dilaksanakan terhadap 29 kementerian/jabatan/agensi Negeri Sabah seperti **Jadual 3**.


JADUAL 3
SENARAI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI YANG DIAUDIT

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BIL.	AGENSI
1.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MOF)	1.	Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS)
2.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (KPIM)	2.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO)
3.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	3.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA)
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (SKN)	4.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS)
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPV)	5.	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB)
6.	Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA)	6.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS)
7.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)	7.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)
8.	Jabatan Muzium Sabah (MUZIUM)	8.	Majlis Daerah Semporna (MDS)
9.	Jabatan Air Negeri Sabah (AIR)	9.	Majlis Daerah Kunak (MDK)
10.	Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah (PEGUAM)	10.	Majlis Perbandaran Sandakan (MPS)
11.	Jabatan Perikanan Negeri Sabah (JPIN)		-
12.	Jabatan Hidupan Liar Negeri Sabah (JHL)		-
13.	Pejabat Daerah Tambunan (PD TAMBUNAN)		-
14.	Pejabat Daerah Kinabatangan (PD KINABATANGAN)		-
15.	Pejabat Daerah Kuala Penyu (PD K.PENYU)		-
16.	Pejabat Daerah Kota Belud (PD K.BELUD)		-
17.	Pejabat Daerah Penampang (PD PENAMPANG)		-
18.	Pejabat Daerah Ranau (PD RANAU)		-
19.	Pejabat Daerah Putatan (PD PUTATAN)		-

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.2. Secara keseluruhan, prestasi pengurusan kewangan di 29 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun kewangan 2018 menunjukkan 13 Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap **Baik**, 10 Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap **Memuaskan**, dua (2) Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap **Tidak Memuaskan** seperti **Carta 1**.


**CARTA 1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/
JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara
■ 2018 ■ 2017

5.1.3. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 29 Kementerian/Jabatan/Agensi yang dinilai pada tahun 2018 adalah seperti **Carta 2**.


CARTA 2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI SABAH TAHUN 2018



5.2. Prestasi Kementerian/Jabatan Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi 19 Jabatan Negeri mendapati satu (1) daripada lapan (8) kawalan mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) kawalan berada pada tahap **Baik** dan tiga (3) kawalan berada pada tahap **Memuaskan** seperti **Carta 3**.


CARTA 3
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/
JABATAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara
■ 2018 ■ 2017

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi 10 Agensi Negeri pula mendapati lima (5) daripada sembilan (9) kawalan mencapai tahap **Cemerlang** dan tiga (3) kawalan berada pada tahap **Baik** dan satu (1) kawalan berada pada tahap **Memuaskan** seperti **Carta 4**.

CARTA 4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN AGENSI
NEGERI BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ 2018 ■ 2017

a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Kementerian/Jabatan Negeri, lapan (8) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, enam (6) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan empat (4) tahap **Tidak Memuaskan** dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, enam (6) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) berada pada tahap **Baik**, dua (2) tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Kementerian/Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 5**.

**CARTA 5
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang
 ■ Baik
 ■ Memuaskan
 ■ Kurang Memuaskan
 ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 27 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 29 Kementerian/Jabatan/Agensi adalah seperti **Carta 6**.


**CARTA 6
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 27 KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 10 Agensi adalah seperti **Carta 7**.

**CARTA 7
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 4**.

**JADUAL 4
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		KEMENTERIAN/ JABATAN	AGENSI
1.	Pegawai tidak menghadiri kursus/latihan atau kursus/latihan diberi tidak berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.	MOF SKN Jab. Air JHEWA PEGUAM PD Kinabatangan PD Penampang PD Putatan	LKNS MPS MDS MDK
2.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan oleh ketua jabatan sekurang-kurangnya setiap 6 bulan sekali (AP309)	KPIM MOF Jab. Air JHEWA PD Kinabatangan PD Putatan	SAFODA MDS
3.	Pemeriksaan mengejut yang dibuat tidak meliputi Peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem, kad kredit, mesin <i>reload</i> kad <i>Touch N Go</i> atau barang-barang berharga.	KPIM MOF PD Kinabatangan PD Ranau	LKNS MUIS SAFODA MPS
4.	Jawatankuasa Tadbir Urus tidak membincangkan perkara yang ditetapkan	JHEAINS JPIN JPV PD K. Belud KPIM PD Kinabatangan PEGUAM PD Putatan PD Ranau PD Tambunan	Tiada
5.	JPKA tidak mengadakan mesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan dan Laporan Suku Tahun tidak disediakan dengan lengkap dan tidak dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan	Tiada	DBKK LKNS LPPB PBNS SAFODA MDS

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:


- Mengikut AP 309, Ketua Jabatan hendaklah mengadakan Pemeriksaan Mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan ke atas peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk menyimpan wang awam dan barang berharga. **Sebanyak lapan (8) Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri tidak menjalankan pemeriksaan mengejut mengikut tempoh yang ditetapkan, iaitu KPIM, MOF, Jab. Air, JHEWA, PD Kinabatangan, PD Putatan, SAFODA dan MDS.**

b. Kawalan Bajet

i. Secara keseluruhannya, bagi Kementerian/Jabatan Negeri, 15 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan

satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, Sembilan (9) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Kementerian/Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 8**.

**CARTA 8
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 19 Kementerian/Jabatan/Agensi adalah seperti **Carta 9**.


**CARTA 9
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 10 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 10 Agensi adalah seperti **Carta 10**.

**CARTA 10
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		KEMENTERIAN/ JABATAN	AGENSI
1.	Cadangan bajet tidak disediakan berdasarkan input daripada semua peringkat Aktiviti dan Program.	JHEAINS PD Putatan	Tiada
2.	Pindah peruntukan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus dan pindah peruntukan dibuat sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus	Tiada	PBNS
3.	Perbelanjaan melebihi peruntukan kecuali bagi tanggungan dan emolumen.	KPIM SKN	Tiada
4.	Peruntukan Mengurus diterima tidak dibelanjakan.	KPIM MOF JHEAINS SKN	Tiada
5.	Peruntukan Pembangunan dibelanjakan kurang daripada 50%.	MOF	Tiada


Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Penemuan Audit yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:
- Surat Pekeliling Kementerian Kewangan bil.3/2017 bagi Cadangan dan Pemeriksaan Anggaran Perbekalan Negeri Sabah, Tahun 2018-2019 bertarikh 14 Mac 2017 para 2.2 (vi) menyebut keperluan semua Kementerian/Jabatan/Agensi memastikan tiada perbelanjaan berlebihan berlaku dalam tahun semasa. Semua perbelanjaan perlu dirancang lebih awal. **Sebanyak dua (2) Kementerian/Jabatan yang telah berbelanja melebihi peruntukan iaitu KPIM berjumlah RM970,225.75 bagi perbelanjaan penyenggaraan bangunan dan kawasan serta SKN berjumlah RM44,799 bagi perbelanjaan penyertaan program pameran dan persidangan di Kuala Lumpur.**
 - Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2010 Perenggan 3 menetapkan peruntukan diterima hendaklah dibelanjakan dan tidak melebihi peruntukan. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan bil.3/2017 bagi Cadangan dan Pemeriksaan Anggaran Perbekalan Negeri Sabah, Tahun 2018-2019 bertarikh 14 Mac 2017 para 2.5 menghendaki petunjuk prestasi utama (KPI) berasaskan strategi belanjawan tahunan hendaklah diwujudkan supaya penilaian boleh dibuat atas pencapaian misi Kementerian/Jabatan/Agensi. **Sebanyak empat (4) Kementerian/Jabatan tidak membelanjakan sepenuhnya Peruntukan Mengurus yang diterima iaitu KPIM sebanyak RM688,800, MOF sebanyak RM169,496,955.98, JHEAINS berjumlah RM108,586 dan SKN berjumlah RM24,846,874.64.**

c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, enam (6) Jabatan berada pada tahap **Baik**, dua (2) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan lima (5) Jabatan tidak mempunyai Kawalan Terimaan. Bagi Agensi Negeri, tujuh (7) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Agensi berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Kementerian/Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 11**.

**CARTA 11
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang
 ■ Baik
 ■ Memuaskan
 ■ Kurang Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti **Carta 12**.


CARTA 12
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 10 Agensi adalah seperti **Carta 13**.

CARTA 13
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 6**.

**JADUAL 6
KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		KEMENTERIAN/ JABATAN	AGENSI
1.	Resit bagi penerimaan melalui mel tidak disediakan pada hari yang sama dan tidak dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.	MOF	MUIS MP Sandakan MD Semporna
2.	Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak Buku Tunai dengan resit rasmi setiap hari.	KPIM Jab. Air PD Kinabatangan SKN	PBNS
3.	Proses pungutan tidak dibuat dengan segera dan teratur.	KPIM JPIN PD Kinabatangan PD Putatan	LKNS MUIS MP Sandakan
4.	Tindakan susulan terhadap penghutang tidak diambil terhadap jumlah yang tertunggak.	Tiada	SEDCO LPPB PBNS MP Sandakan MD Kunak
5.	<u>Peringkat Kementerian:</u> Penyata Akaun Belum Terima (ABT) tidak dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri dalam tempoh ditetapkan. <u>Peringkat Jabatan:</u> Penyata Akaun Belum Terima (ABT) tidak dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh ditetapkan serta ABT tidak dilaporkan dengan tepat.	KPIM MOF Jab. Air JHEWA JPIN PD Kinabatangan	Tiada

Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
- Arahan Perbendaharaan (AP) 80(b) menetapkan pegawai yang bertanggungjawab atau wakilnya yang diberi kuasa hendaklah membuat pemeriksaan dan semakan tiap-tiap hari semua catatan yang dibuat dalam buku Resit Rasmi, lesen dan buku tunai. Pegawai yang menyemak hendaklah menurunkan tandatangan ringkas dan tarikh setelah semakan dibuat. **Sebanyak lima (5) Kementerian/Jabatan/Agensi yang tidak mematuhi AP 80(b) iaitu KPIM, Jab. Air, PD Kinabatangan, SKN dan PBNS. Bagi KPIM, tiada semakan dibuat terhadap hasil kutipan sewa bagi tahun 2015 dan 2016 berjumlah RM320,306 yang dikutip tetapi diakaunkan dalam akaun Koperasi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah Berhad (KOTANI) manakala bagi tahun 2017 tiada maklumat hasil sewa dikemukakan. Seterusnya, bagi Jab. Air melibatkan 49 resit rasmi bernilai RM3,936,564.03, PD Kinabatangan melibatkan pungutan untuk bulan Januari 2018, SKN bagi pungutan bulan Januari sehingga Oktober dan PBNS bagi pungutan setiap hari.**
 - Arahan Perbendaharaan 78(a) menghendaki semua pungutan dimasukkan ke bank akaun kerajaan pada hari yang sama atau selewat-

lewatnya pada hari kerja berikutnya apabila nilai pungutan wang kertas dan syiling melebihi RM500 atau jumlah pungutan (termasuk wang kertas, syiling, cek, wang pos) melebihi RM2,000. **Sebanyak tujuh (7) Kementerian/Jabatan/Agensi tidak melakukan proses pungutan dengan segera dan teratur iaitu KPIM, JPIN, PD Kinabatangan, PD Putatan, LKNS, MUIS dan MP Sandakan melibatkan jumlah keseluruhan pungutan sebanyak RM681,659.47 dengan tempoh kelewatan selama satu (1) hingga 21 hari.**


- Berlaku kehilangan wang bagi terimaan lesen di Pejabat Daerah Kinabatangan dan Pejabat Daerah Putatan yang masih dalam siasatan.
 - Pejabat Daerah Kinabatangan sejumlah RM140,575
 - Pejabat Daerah Putatan sejumlah RM24,410

Pegawai Daerah Kinabatangan dan Putatan didapati belum memohon pendahuluan diri untuk menggantikan wang yang hilang tersebut sebagaimana dikehendaki dalam AP 322(a)(i) untuk menggantikan wang yang hilang.

d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tujuh (7) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Baik**, empat (4) berada pada tahap **Memuaskan**, tiga (3) berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan dua (2) berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, tujuh (7) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Agensi berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Kementerian/Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Perolehan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 14**.

**CARTA 14
PENCAPAIAN KAWALAN PEROLEHAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Tidak Memuaskan


- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Perolehan bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti **Carta 15**.

**CARTA 15
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PEROLEHAN**



- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria dalam Kawalan Perolehan bagi 10 Agensi adalah seperti **Carta 16**.

CARTA 16
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PEROLEHAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		KEMENTERIAN/ JABATAN	AGENSI
1.	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun atau had yang ditetapkan dalam peraturan kewangan Agensi.	KPIM Jab. Air JHL JHEAINS JPIN JPV MUZIUM SKN	LPPB DBKK MD Semporna MD Kunak
2.	Kajian pasaran tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	Jab. Air JHL JHEAINS JPIN JPV PD K.Belud PD K. Penyu PD Putatan PD Ranau PD Tambunan	PBNS DBKK

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		KEMENTERIAN/ JABATAN	AGENSI
3.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> bagi Pengurusan Sebut Harga Melebihi RM20,000 Hingga RM500,000 tidak dipatuhi	JHL JHEAINS KPIM JHEWA JPIN JPV PD K. Penyu PD Penampang PD Putatan PD Ranau	LPPB MUIS
4.	Syarat perjanjian kontrak tidak disemak dan diluluskan oleh Peguam Negara atau Penasihat Undang-undang Jabatan/Agensi.	MOF Jab. Air JHEAINS JHEWA PD K.Belud PD Putatan	MUIS MD Semporna
5.	Klausa Pencegahan Rasuah tidak dimasukkan dalam Kontrak.	MOF JHL JHEAINS JHEWA PD K.Belud PD Putatan	MUIS

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010 menetapkan pembelian setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan PUKONSA sama ada bertaraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera; kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) di bawah kepala dan subkepala yang berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkaitan; Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk merancang perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang diurus melalui lantikan/pembelian terus agensi dan memastikan ianya tidak dipecah kecil untuk mengelak Sebut Harga atau Tender; dan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan perolehan yang melebihi had nilai Lantikan/Pembelian Terus dibuat mengikut peraturan perolehan semasa yang ditetapkan. Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bilangan 355 (a)(i) menyatakan bahawa pembelian atau perbelanjaan yang melebihi RM5,000 setahun perlu membuat kuotasi atau sebut harga. **Sebanyak 10 Kementerian/Jabatan/Agensi membuat perolehan secara pembelian terus melebihi**

had yang dibenarkan berjumlah lebih **RM1.08 juta**. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
PECAH KECIL PEROLEHAN

KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	PERIHAL
KPIM	3	46,200.00	Pembayaran Pembinaan, Pembersihan dan Pembaikan Parit Jejeri dan Batas EPP11 Kg. Jawi-Jawi, Kota Belud.
	4	68,700.00	Pembayaran Pembinaan, Pembersihan dan Pembaikan Parit Jejeri dan Batas EPP11 Kg. Taun Gusi, Kota Belud.
	1	17,100.00	Pembayaran Pembinaan, Pembersihan dan Pembaikan Parit Jejeri dan Batas EPP11 Kg. Labuan, Kota Belud.
JUMLAH KECIL	8	132,000.00	
Jab. Air	40	258,247.00	<i>Toner/Ink/Cartridge</i>
	1	18,903.00	Komputer dan <i>Printer</i>
	1	18,064.00	Komputer dan <i>Printer</i>
JUMLAH KECIL	42	295,214.00	
JHL	5	20,511.00	Pemeriksaan Darah Haiwan (Orang Utan dan Gajah)
	11	26,941.50	Ubat-ubatan Klinik Haiwan
JUMLAH KECIL	16	47,452.50	
JHEAINS	3	56,300.00	Papan Iklan (<i>Billboard</i>) & <i>Bunting</i>
	2	38,050.00	Kelengkapan Masjid Daerah Tawau
	2	22,400.00	Program Pendidikan Khas Saudara Kita peringkat negeri Sabah
	3	38,754.00	Dakwat Pencetak
JUMLAH KECIL	10	155,504.00	
JPIN	4	48,392.00	Perolehan Alat Ganti Enjin Bot Yamaha
	10	44,395.00	Perolehan Media <i>Storage</i>
	14	31,746.00	Perolehan Pakaian Seragam
JUMLAH KECIL	28	124,533.00	
JPV	3	25,578.80	Pembelian Pakaian dan Kelengkapan Sukan
	2	29,000.00	Pembelian Peralatan Kerusi dan Meja Banquet
JUMLAH KECIL	5	54,578.80	
MUZIUM	3	24,120.00	Pembelian Bingkai Gambar
	2	21,490.00	Pembelian Papan Tanda
JUMLAH KECIL	5	45,610.00	
SKN	5	25,500.00	Pembelian Pakaian Seragam Istiadat Rasmi Perkhidmatan Awam
	3	18,150.00	
	14	21,477.00	Membekal Pewangi Pejabat/Rumah untuk Kegunaan Pejabat-pejabat di Jabatan Ketua Menteri
JUMLAH KECIL	22	65,127.00	
LPPB	15	58,642.00	Pembelian Komputer
	2	22,768.80	Pembelian Tong Sampah
JUMLAH KECIL	17	81,410.80	
DBKK	10	29,027.00	Plastik Sampah
	10	48,191.00	Pembelian <i>Toner</i>
JUMLAH KECIL	20	77,218.00	
JUMLAH KESELURUHAN	173	1,078,648.10	

Sumber: Jabatan Audit Negara

- AP 169 menetapkan bahawa pegawai yang menguruskan perolehan hendaklah membuat kajian pasaran yang berpatutan supaya perolehan tersebut adalah yang paling sesuai. Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor lain yang bersesuaian. **Sebanyak 12 Kementerian/Jabatan/Agensi tidak membuat kajian pasaran yang berpatutan melibatkan 182 baucar bayaran berjumlah lebih RM1.47 juta.** Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9
TIADA KAJIAN PASARAN DIBUAT

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Jab. Air	2	37,774.00
2.	JHL	19	126,610.25
3.	JHEAINS	36	934,971.00
4.	JPIN	5	47,129.00
5.	JPV	5	54,578.00
6.	PD K.Belud	17	18,134.72
7.	PD K.Penyu	15	31,118.00
8.	PD Putatan	10	16,886.00
9.	PD Ranau	30	27,434.42
10.	PD Tambunan	22	42,196.30
11.	PBNS	9	3,466.20
12.	DBKK	12	135,174.40
JUMLAH		182	1,475,472.29


Sumber: Jabatan Audit Negara

- Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 1995 menyebut Kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya surat Setuju Terima. Manakala Arahan Perbendaharaan 205.3 menetapkan supaya pembayaran dan penerimaan sesuatu kontrak direkodkan dalam Daftar bagi tujuan rujukan pada masa hadapan. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 204.1(ii) menghendaki sesuatu syarat perjanjian disemak oleh Peguam Negara atau Penasihat Undang-undang sekiranya kontrak walaupun kecil nilainya tetapi mengandungi implikasi undang-undang. **Sebanyak lapan (8) Kementerian/Jabatan/Agensi tidak mengurus dokumen kontrak dengan teratur melibatkan 30 kontrak berjumlah RM42.08 juta.**

e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Kementerian/Jabatan Negeri, lapan (8) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, enam (6) Jabatan berada pada tahap **Baik**, dua (2) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**, dua (2) **Kurang Memuaskan** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, sepuluh (10) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**. Pencapaian Kementerian/Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 17**.

CARTA 17
PENCAPAIAN KAWALAN PEBELANJAAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 21 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti **Carta 18**.


CARTA 18
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 10 Agensi adalah seperti **Carta 19**.

CARTA 19
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 10**.

**JADUAL 10
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		KEMENTERIAN/ JABATAN	AGENSI
1.	Bayaran bagi inuis tanpa PT dibuat untuk jenis perbelanjaan yang tidak dibenarkan.	KPIM SKN	MUIS SEDCO
2.	Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh ditetapkan.	Tiada	DBKK MD Kunak LPPB SAFODA
3.	Kad pintar digunakan semasa ketiadaan pegawai/pegawai tidak bertugas.	JPIN PD Penampang	Tiada
4.	Proses Bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.	KPIM MOF MUZIUM Jab. Air JHL JHEAINS JPIN JPV SKN PD K.Belud PD K. Penyu PD Penampang PD Putatan PD Ranau PD Tambunan	PBNS
5.	Tiada bukti Laporan Pukul disemak dengan bil asal	KPIM JHEAINS PD Kinabatangan PD Tambunan	Tiada

Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
- Arahan Perbendaharaan 103(a) menetapkan Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah meminta supaya semua bil dan tuntutan disampaikan dengan segera. mereka hendaklah memastikan bahawa bil itu dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna. **Sebanyak lapan (8) Jabatan iaitu JHL, JHEAINS, JPIN, JPV, SKN, PD Kota Belud, PD Penampang dan PD Putatan lewat memproses baucar bayaran antara satu (1) sehingga 360 hari dari tarikh inuis diterima melibatkan sebanyak 111 baucar bayaran berjumlah RM2.64 juta.** Butiran adalah seperti **Jadual 11**.

**JADUAL 11
KELEWATAN PEMBAYARAN**

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI	BIL. BAUCAR BAYARAN	TEMPOH LEWAT (Hari)	JUMLAH (RM)
1.	JHL	6	11-50	76,436.00
2.	JHEAINS	7	10-29	934,971.00
3.	JPIN	9	8-21	149,369.00
4.	JPV	11	4-222	508,641.00
5.	SKN	40	1-360	333,542.00
6.	PD K.Belud	8	241	128,096.00
7.	PD Penampang	6	13-33	495,645.00
8.	PD Putatan	24	20-353	21,097.00
JUMLAH		111		2,647,797.00


Sumber: Jabatan Audit Negara

- **PD Penampang** membuat bayaran terhadap kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi berjumlah RM389,324. Manakala **PD Ranau** membuat pembayaran penuh berjumlah RM619,815 bagi tiga (3) projek kerja yang belum siap sepenuhnya.

f. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, 10 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**, satu (1) **Kurang Memuaskan** dan tiga (3) berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, enam (6) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik**, dua (2) berada pada tahap **Tidak Memuaskan** dan satu (1) Agensi tidak mempunyai Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 20**.

CARTA 20
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang
 ■ Baik
 ■ Memuaskan
 ■ Kurang Memuaskan
 ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 22 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Akaun Amanah bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti **Carta 21**.


CARTA 21
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN AKAUN AMANAH



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit bagi sembilan (9) Agensi adalah seperti **Carta 22**.

CARTA 22
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM
KAWALAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 12**.

JADUAL 12
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN
AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		KEMENTERIAN/ JABATAN	AGENSI
1.	Akaun tidak aktif/tidak diperlukan/mencapai objektif/mencapai tempoh ditetapkan tidak ditutup dan tiada tindakan penutupan akaun dilaksanakan mengikut prosedur.	KPIM SKN	Tiada
2.	Kementerian/Jabatan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bayaran balik pendahuluan diri dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.	MOF PD Kinabatangan	MUIS SEDCO DBKK
3.	Buku Daftar Permohonan Pendahuluan Pelbagai tidak diselenggarakan dengan lengkap.	Jab. Air JHEAINS	Tiada
4.	Bayaran balik dan pelarasan dibuat mengikut tempoh ditetapkan.	KPIM Jab. Air JHEAINS PD Putatan	DBKK
5.	Daftar/Rekod kecil tidak diselenggarakan bagi deposit yang banyak dan sama jenisnya serta baki dalam daftar/rekod kecil tidak bersamaan dengan Akaun Utama Deposit bagi setiap bulan.	Jab. Air JHEAINS PD Putatan	Tiada
6.	Baki dalam daftar/rekod kecil hendaklah bersamaan dengan Akaun Utama Deposit bagi setiap bulan.	Jab. Air JHEAINS PD Putatan	Tiada
7.	Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan (serta tidak diperlukan) tidak diwartakan.	KPIM Jab. Air JHEAINS JPV PD Kinabatangan PD Penampang PD Putatan PD Tambunan	DBKK MPS

Sumber: Jabatan Audit Negara


v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- AP 162 menyatakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diwartakan dalam Warta Kerajaan. Jika deposit tersebut masih tidak dituntut dalam masa tiga (3) bulan selepas pewartaan, ia hendaklah dikreditkan kepada hasil. Pegawai penjaga akaun bertanggungjawab menentukan bahawa pemberitahuan itu diwartakan. **Deposit berjumlah RM7.60 juta telah tamat tempoh tetapi masih belum diwartakan. Penemuan ini melibatkan 13 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri iaitu MOF, KPIM, Jab. Air, JHEAINS, JPV, PD Kinabatangan, PD Penampang, PD Putatan, PD Tambunan, MUIS, SEDCO, DBKK dan MPS.**

g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, lima (5) Jabatan berada pada tahap **Baik**, dua (2) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan lima (5) berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, empat (4) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** serta dua (2) Agensi masing-masing berada pada tahap **Baik**, **Kurang Memuaskan** dan **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Kementerian/Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 23**.

CARTA 23
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN ASET
DAN STOR KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 86 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Aset dan Stor bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti **Carta 24**.


CARTA 24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Aset dan Stor bagi 10 Agensi adalah seperti **Carta 25**.

CARTA 25
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	JKPAK tidak bermesyuarat setiap tiga (3) bulan sekali.	KPIM MOF Jab. Air JHL JHEAINS PEGUAM PD Kinabatangan PD Putatan PD Tambunan	PBNS SAFODA DBKK MD Semporna MD Kunak
2.	Agenda mesyuarat JKPAK yang ditetapkan tidak dibincangkan.	KPIM MOF Jab. Air JHEAINS JHEWA JPIN PD K. Peny PD Kinabatangan PEGUAM PD Putatan PD Tambunan	PBNS SAFODA DBKK MP Sandakan MD Semporna MD Kunak
3.	Perakuan Pegawai Pengawal berserta ringkasan laporan tahunan tidak dikemukakan ke Perbendaharaan mengikut tempoh yang ditetapkan. (Kementerian & Jabatan yang mempunyai Pegawai Pengawal)	KPIM Jab. Air JHL JHEAINS JPIN JPV PD K. Peny PD Putatan PD Tambunan	MUIS PBNS MP Sandakan MD Semporna MD Kunak
4.	Borang Pemeriksaan Aset Alih (KEW.PA-11) tidak dilengkapkan oleh Pegawai Pemeriksa dan dikemukakan kepada Unit Pengurusan Aset (UPA).	KPIM MOF Jab. Air JPV PEGUAM PD Putatan PD Tambunan	PBNS SAFODA MP Sandakan MD Semporna MD Kunak
5.	Pengiraan stok tidak dilaksanakan seratus Peratus (100%) di Stor Pusat, Stor Utama dan Stor Unit oleh Pegawai Stor secara berperingkat mengikut suku tahun dalam tahun kewangan yang diaudit.	KPLB KPIM MOF JHL JHEAINS JPV PD Putatan	PBNS MP Sandakan MD Semporna MD Kunak

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:


- Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri (SPKKN) Bil. 9 Tahun 2010 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri (SPKKN) Bil. 10 Tahun 2010 (Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan) antaranya menetapkan perkara seperti penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), membincangkan agenda yang telah ditetapkan, bermesyuarat tiga (3) bulan sekali dan pelaporan sebelum 15 Mac tahun berikutnya.
Mesyuarat JKPAK tidak dilaksanakan bagi sembilan (9) Jabatan

dan lima (5) Agensi. Jabatan yang terlibat adalah KPIM, MOF, Jab. Air, JHL, JHEAINS, PEGUAM, PD Kinabatangan, PD Putatan dan PD Tambunan. Agensi yang terlibat pula adalah PBNS, SAFODA, DBKK, MD Sempurna dan MD Kunak. Manakala agenda mesyuarat JKPAK yang ditetapkan tidak dibincangkan bagi 11 Jabatan dan enam (6) Agensi. Jabatan yang terlibat adalah KPIM, MOF, Jabatan Air, JHEAINS, JHEWA, JPIN, PD Kuala Penyu, PD Kinabatangan, PEGUAM, PD Putatan dan PD Tambunan. Agensi yang terlibat adalah PBNS, SAFODA, DBKK, MP Sandakan, MP Semporna dan MP Kunak.

h. Pengurusan Kenderaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Kementerian/Jabatan Negeri, 10 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Jabatan berada pada tahap **Baik**, lima (5) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Jabatan masing-masing berada pada tahap **Kurang Memuaskan** serta **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Kementerian/Jabatan dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Kenderaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 26**.

CARTA 26
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN
KENDERAAN KEMENTERIAN/JABATAN BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang
 ■ Baik
 ■ Memuaskan
 ■ Kurang Memuaskan
 ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti **Carta 27**.

CARTA 27
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 14**.

JADUAL 14
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN
		KEMENTERIAN/JABATAN
1.	Kenderaan digunakan tiada kelulusan Pegawai Kenderaan.	JHL PD K. Belud PD K. Penyu
2.	Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan kecuali untuk Kereta Rasmi Jawatan bagi Pegawai Gred Utama.	KPLB KPIM MOF Jab. Air JHEAINS JHEWA PD K. Belud PD K. Penyu
3.	Setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan, tiada tindakan seterusnya (seperti potongan gaji) dilaksanakan.	Jab. Air JHL PD Putatan
4.	Semua kenderaan Kerajaan tidak disenggara secara berjadual mengikut manual pengguna.	KPLB KPIM PEGUAM JHEWA PD K. Belud PD K. Penyu PD Putatan
5.	Penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).	KPLB KPIM PD K. Belud

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian/Jabatan adalah seperti berikut:

- Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1 Tahun 2013, menetapkan Buku Log PVR1 (*Vehicle/Mobile Plant Log Book – Static Plant Log Book*) dan Buku Log PVR3 (*Vehicle/Mobile Plant Daily Record*) hendaklah sentiasa dikemaskini bagi semua kenderaan. **Buku Log Kenderaan bagi lapan (8) Kementerian/Jabatan adalah tidak kemas kini. Kementerian/Jabatan terlibat ialah KPLB, KPIM, MOF, Jabatan Air, JHEAINS, JHEWA, PD Kota Belud dan PD Kuala Penyu.**

i. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Secara keseluruhannya, sembilan (9) Kementerian/Agensi berada pada tahap **Cemerlang** dan dua (2) Agensi berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Kementerian/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Penyata Kewangan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 28**.


CARTA 28
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN PENYATA
KEWANGAN KEMENTERIAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara
■ Cemerlang ■ Baik

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Penyata Kewangan bagi 11 Kementerian/Agensi adalah seperti **Carta 29**.

CARTA 29
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA
DALAM KAWALAN PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 15**.

JADUAL 15
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		KEMENTERIAN/ JABATAN	AGENSI
1.	Mendapat Sijil Berteguran.	Tiada	MUIS SEDCO

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Penyata Kewangan MUIS tahun 2017 mendapat Sijil Berteguran disebabkan oleh aset terkurang nyata, pendapatan sewaan bangunan tidak diakaunkan dan pelaburan hartanah tiada kelulusan Kementerian Kewangan/Kabinet Negeri Sabah.
- Penyata Kewangan SEDCO tahun 2017 mendapat Sijil Berteguran disebabkan perbezaan baki hutang antara SEDCO dengan syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu yang tidak dikenalpasti dan isu *going concern* tujuh (7) syarikat subsidiari yang menyebabkan penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan mengandungi pemerhatian *Emphasis of Matter*.

6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun 2018 berada pada tahap **Baik** berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi yang perlu meningkatkan dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- 6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 6.2. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- 6.3. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
- 6.4. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;
- 6.5. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- 6.6. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak

hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

PENGAUDITAN MENGEJUT JABATAN/AGENSI NEGERI

2 | PENGAUDITAN MENGEJUT

1. PENDAHULUAN

Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

Pengauditan Mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengauditan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengauditan kepada pihak Auditi.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, kawalan aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop Pengauditan Mengejut meliputi Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan dan Kawalan Umum. Pengauditan Mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal dan barang berharga bagi tahun 2018 di 22 Jabatan/Pejabat Negeri Sabah seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENGAUDITAN MENGEJUT DI JABATAN/PEJABAT NEGERI SABAH PADA TAHUN 2018

BIL.	JABATAN	BILANGAN JABATAN/PEJABAT YANG DIAUDIT
1.	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah	1
2.	Jabatan Perhutanan Negeri Sabah	2
3.	Jabatan Air Negeri Sabah	1
4.	Jabatan Pelabuhan dan Dermaga	1
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah	1
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah	1
7.	Jabatan Kerja Raya	3
8.	Jabatan Pertanian Negeri Sabah	2
9.	Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (Institut Latihan dan Perdagangan)	1
10.	Jabatan Tenaga Kerja	2
11.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2
12.	Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan	1
13.	Pejabat Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah	1
14.	Mahkamah Anak Negeri	3
JUMLAH		22

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI

Metodologi Pengauditan Mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam, aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan dan keadaan peti besi. Lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor juga dilakukan.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat yang Diaudit

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat dinilai berdasarkan 41 kriteria melibatkan 19 kriteria di Kawalan Terimaan, empat (4) kriteria di Kawalan Perbelanjaan, 18 kriteria di Kawalan Umum. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
TAHAP KETIDAKPATUHAN KRITERIA PENGAUDITAN MENGEJUT

BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA DINILAI	BILANGAN KETIDAKPATUHAN		
			JABATAN/PEJABAT	KRITERIA	PERATUS (%)
1.	Terimaan	19	8	11	57.9
2.	Perbelanjaan	4	-	-	0
3.	Umum	18	16	11	61.1
JUMLAH KESELURUHAN		41	24	22	53.6

Sumber: Jabatan Audit Negara


5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat yang Diaudit Mengikut Kawalan

a. Kawalan Terimaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak lapan (8) Jabatan/Pejabat tidak mematuhi 11 kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:
 - ketidakpatuhan yang signifikan dalam Kawalan Terimaan adalah resit rasmi bagi mengaku terimaan lewat dikeluarkan dan seterusnya lewat direkodkan dalam buku tunai bagi empat (4) Jabatan/Pejabat;
 - seterusnya, dua (2) Jabatan/Pejabat tidak menyimpan stok borang hasil di tempat berkunci dan selamat manakala resit rasmi bagi dua (2) Jabatan/Pejabat dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis;
 - ketidakpatuhan paling rendah dalam Kawalan Terimaan bagi enam (6) Jabatan/Pejabat masing-masing melibatkan baki fizikal stok borang hasil berbeza dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil; peranan dan capaian di sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa; ID pengguna digunakan semasa ketiadaan pegawai dengan merujuk kepada *audit trail*; tiada pengasingan tugas untuk terimaan diwujudkan dalam sistem dan notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat; dan
 - resit rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri, manakala wang kutipan (kertas dan syiling melebihi RM500)/jumlah pungutan (wang kertas, syiling, cek, wang pos dan kiriman wang melebihi RM2,000)/tidak dimasukkan ke dalam bank dengan segera tiap-tiap hari dengan menyemak tarikh cetakan bank dan penyata serta wang kutipan tunai kurang daripada RM500 dan cek yang disimpan tidak melebihi tempoh

satu (1) minggu daripada tarikh terimaan disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal.

CARTA 1
BILANGAN JABATAN/PEJABAT YANG TIDAK
MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a Resit rasmi bagi mengaku terimaan lewat dikeluarkan dan seterusnya lewat direkodkan dalam buku tunai melibatkan 4 Jabatan/Pejabat iaitu Mahkamah Anak Negeri Tuaran, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tuaran dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Semporna.
- b Tidak menyimpan stok borang hasil di tempat berkunci dan selamat melibatkan 2 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Kerja Raya Pitas dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- c Resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis melibatkan 2 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Air Daerah Kota Belud dan Klinik Haiwan Kesayangan Kepyayan.
- d Baki fizikal stok borang hasil berbeza dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil bagi 1 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- e Peranan dan capaian di sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa bagi 1 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Air Daerah Kota Belud.
- f ID pengguna digunakan semasa ketiadaan pegawai dengan merujuk kepada audit trail bagi 1 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Air Daerah Kota Belud.
- g Tiada pengasingan tugas untuk terimaan diwujudkan dalam sistem bagi 1 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Air Daerah Kota Belud.
- h Notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat melibatkan 1 Jabatan/Pejabat iaitu Mahkamah Anak Negeri Tuaran
- i Resit rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri melibatkan 1 Jabatan/Pejabat iaitu Pejabat Pertanian Daerah Beaufort.
- j Wang kutipan (kertas dan syiling melebihi RM500)/jumlah pungutan (wang kertas, syiling, cek, wang pos dan kiriman wang melebihi RM2,000)/ tidak dimasukkan ke dalam bank dengan segera tiap-tiap hari dengan menyemak tarikh cetakan bank melibatkan 1 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- k Wang kutipan tunai kurang daripada RM500 dan cek yang disimpan tidak melebihi tempoh 1 minggu daripada tarikh terimaan disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal melibatkan 1 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Semporna.

- ii. Kawalan Terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman Jabatan/Pejabat yang lemah dan proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya. Kelemahan-kelemahan ini boleh menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.

b. Kawalan Perbelanjaan


Analisis Audit mendapati hanya satu (1) daripada kesemua 22 Jabatan/Pejabat yang diaudit menggunakan Panjar Wang Runcit (PWR) iaitu Jabatan Tenaga Kerja Keningau. Semakan terhadap Jabatan tersebut mendapati kesemua kriteria di bawah Kawalan Perbelanjaan telah dipatuhi.

c. Kawalan Umum

- i. Analisis Audit mendapati 16 Jabatan/Pejabat tidak mematuhi 11 kriteria dalam Kawalan Umum. Hasil analisis mendapati:
 - ketidakpatuhan yang signifikan dalam Kawalan Umum adalah melibatkan kawalan daftar Pemeriksaan Mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 309 yang menunjukkan 14 Ketua Jabatan bagi Jabatan/Pejabat yang telah diaudit gagal melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga;
 - kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang pegawai yang sama dan tiada penurunan kuasa diberikan bagi enam (6) Jabatan/Pejabat;
 - baki fizikal barang-barang stor barang berharga dan menarik adalah berbeza dengan baki terakhir di kad petak bagi empat (4) Jabatan/Pejabat;
 - terdapat harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan bagi tiga (3) Jabatan/Pejabat, diikuti dengan masing-masing dua (2) Jabatan/Pejabat bagi ketidakpatuhan terhadap pengurusan aset yang mana aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan ditandakan dengan nombor siri yang betul dan pergerakan aset bagi tujuan pinjaman/penempatan sementara tidak direkodkan dalam KEW.PA-6;

- terdapat dua (2) Jabatan/Pejabat yang mana penerimaan barang-barang dari Pembekal Stor Pusat/Utama yang tidak menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1 yang disediakan oleh Pegawai Penerima dan diperakukan oleh Pegawai Pengesah; dan stok bertarikh luput tidak dilabel tarikh luput dan tidak menggunakan kad berwarna merah jambu; dan
- ketidakpatuhan yang paling rendah dalam kawalan umum melibatkan masing-masing satu (1) Jabatan/Pejabat yang mana stok barang-barang berharga dan menarik disimpan di tempat yang tidak sesuai dan selamat; barang bernilai/rampasan/ekshibit/artifak disimpan di tempat yang tidak selamat; dan bacaan odometer pada kenderaan adalah berbeza dengan Buku Log.

**CARTA 2
BILANGAN JABATAN/PEJABAT YANG
TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- Ketua Jabatan gagal melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga melibatkan 14 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah, Pejabat Pertanian Daerah Beaufort,
- a Jabatan Pengairan dan Saliran Beaufort, Jabatan Kerja Raya Pitas, Mahkamah Anak Negeri Tuaran, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Jabatan Kerja Raya Lahad Datu, Jabatan Perhutanan Lahad Datu, Pejabat Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah Bahagian Tawau, Jabatan Air Daerah Kota Belud, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tuaran, Klinik Haiwan Kesayangan Kepayan, Jabatan Perhutanan Semporna dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Semporna.
- Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang pegawai yang sama dan tiada penurunan kuasa diberikan melibatkan 6 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Jabatan Perhutanan Lahad Datu, Jabatan Air Daerah Kota Belud,
- b Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tuaran, Klinik Haiwan Kesayangan Kepayan dan Jabatan Perhutanan Semporna.


- c Baki fizikal barang-barang stor barang berharga dan menarik adalah berbeza dengan baki terakhir di kad petak melibatkan 4 Jabatan/Pejabat iaitu Mahkamah Anak Negeri Kota Belud, Jabatan Air Daerah Kota Belud, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tuaran dan Klinik Haiwan Kesayangan Kepayan.
- d Harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan melibatkan 3 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Air Daerah Kota Belud, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tuaran dan Klinik Haiwan Kesayangan Kepayan.
- e Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan ditandakan dengan nombor siri yang betul melibatkan 2 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tuaran dan Klinik Haiwan Kesayangan Kepayan.
- f Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman/penempatan sementara tidak direkodkan dalam KEW.PA-6 melibatkan 2 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tuaran dan Klinik Haiwan Kesayangan Kepayan.
- g Penerimaan barang-barang dari Pembekal Stor Pusat/Utama yang tidak menggunakan Borang Terimaan Barang-barang (BTB) KEW.PS-1 yang disediakan oleh Pegawai Penerima dan diperakukan oleh Pegawai Pengesah melibatkan 2 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah dan Jabatan Air Daerah Kota Belud.
- h Stok bertarikh luput tidak dilabel tarikh luput dan tidak menggunakan kad berwarna merah jambu melibatkan 2 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tuaran dan Klinik Haiwan Kesayangan Kepayan.
- i Stok barang-barang berharga dan menarik disimpan di tempat yang tidak sesuai dan selamat melibatkan 1 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Air Daerah Kota Belud.
- j Barang bernilai/rampasan/ekshibit/artifak disimpan di tempat yang tidak selamat melibatkan 1 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Air Daerah Kota Belud.
- k Bacaan odometer pada kenderaan adalah berbeza dengan buku log melibatkan 1 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Kerja Raya Beaufort.

- ii. Penemuan Audit di Jabatan/Pejabat menunjukkan kelemahan di kawalan umum melibatkan keselamatan wang tunai/barang berharga serta ketidakpatuhan terhadap AP 309 memberi implikasi kehilangan wang awam/barang berharga. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di Jabatan/Pejabat tersebut.

6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat dan pejabat agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua Jabatan/Pejabat hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 6.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 6.4. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 6.5. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- 6.6. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- 6.7. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



• PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program/aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek/program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan penambahbaikan yang segera akan menjejaskan pencapaian objektif projek/program secara keseluruhan. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pegawai kerajaan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal perlu memastikan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku di projek/program yang lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
24 Jun 2019**



• AKRONIM

AKRONIM

AIR	Jabatan Air Negeri Sabah
BBN	Badan Badan Berkanun
BSN	Bank Simpanan Nasional
CCTV	<i>Closed-circuit Television</i>
CEO	<i>Chief Executive Officer</i>
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
DBKK	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
EPP	<i>Entry Point Project</i>
GNI	<i>Gross National Income</i>
JAP	Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan
JHEAINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
JHEWA	Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah
JHL	Jabatan Hidupan Liar Negeri Sabah
JPIN	Jabatan Perikanan Negeri Sabah
JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah
KPI	<i>Key Performance Indicators</i>
KPIM	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
LKNS	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
LPPB	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar
MAFI	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah
MDK	Majlis Daerah Kunak
MDS	Majlis Daerah Semporna
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance</i>
MD	<i>Managing Director</i>
MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
MOF	Kementerian Kewangan Negeri Sabah
MOA	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
MPS	Majlis Perbandaran Sandakan
MUIS	Majlis Ugama Islam Sabah
MUZIUM	Jabatan Muzium Sabah
M&A	Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat
NKEA	<i>National Key Economic Area</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedures</i>
SST	Surat Setuju Terima
STMB	Syarikat Takaful Malaysia Berhad
PBNS	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah
PBNSH	PBNS Holdings Sdn. Bhd.
PD KINABATANGAN	Pejabat Daerah Kinabatangan
PD K.BELUD	Pejabat Daerah Kota Belud
PD K.PENYU	Pejabat Daerah Kuala Penyu
PD PENAMPANG	Pejabat Daerah Penampang
PD PUTATAN	Pejabat Daerah Putatan
PD RANAU	Pejabat Daerah Ranau
PD TAMBUNAN	Pejabat Daerah Tambunan
PEGUAM	Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
PKB	Permodalan Kelantan Berhad
PTC-BSN	Perbankan Tanpa Cawangan – Bank Simpanan Nasional
PUKONSA	Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah
SAFODA	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah
SEDCO	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah
SKN	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
TSP	Terma dan Syarat Perkhidmatan
UMS	Universiti Malaysia Sabah



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
PNMB Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

NO. 15, ARAS 1- 5

PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my